

LAPORAN TAHUNAN 2014



www.finas.gov.my



KANDUNGAN



MAKLUMAT
KORPORAT

1



INFORMASI
KORPORAT FINAS

6



BAHAGIAN DASAR
DAN PENYELIDIKAN

20



BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
INDUSTRI

28



BAHAGIAN
PEMASARAN

66



BAHAGIAN KREATIF
DAN TEKNIKAL

78



BAHAGIAN
KEJURUTERAAN



BAHAGIAN
TEKNOLOGI AUDIO
VISUAL

94



BAHAGIAN MAKMAL

100



BAHAGIAN
PENGURUSAN
PRODUKSI

106



BAHAGIAN
GALAKAN
彭GGAMBARAN

112



BAHAGIAN
PELESENAN DAN
PENGUATKUASAAN

122



**BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN**

144



**UNIT PUSAT
SUMBER**

164



**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT**



UNIT AUDIT DALAM

168



**LAPORAN KETUA
AUDIT NEGARA**



**PENYATA
KEWANGAN
FINAS 2014**



SIDANG PENGARANG

Sidang Pengarang merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua sumbangan dan sokongan sehingga menjayakan penerbitan laporan ini.

Ketua Pengarah
Dato' Kamil Othman

Timbalan Ketua Pengarah
Khalidah Mohd Darus

Ketua Editor
Dato' Fauzi Ayob

Ketua Penyunting
Abdul Khalid Maulod

Editor
Siti Nurathirah Mustapa

Penyunting
Benyamin Mat Yusop

Pasukan Penerbitan
Norhafizah Md Nor
Normustassyaffira
Abdul Rahman

Pasukan Penyelidikan Data
Mohd Saufiddin Poniman
Halijah Ahmad

Grafik & Rekaletak
Abdul Aziz Ahmad Shatar
Huzairi Mat Sani

Fotografi
Koleksi Fotografi Finas

MAKLUMAT KORPORAT



PERUTUSAN PENGERUSI FINAS



A handwritten signature in black ink, appearing to read "Afendi Haji Hamdan".

DATUK HAJI MD. AFENDI DATUK HAJI HAMDAN
Penggerusi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Dengan penuh hormat dan sukacitanya, saya mewakili ahli-ahli Perbadanan membentangkan Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Sepanjang tahun 2014, pelbagai pencapaian positif telah dilaksanakan oleh FINAS. Matlamat objektif, misi dan visi dalam memartabatkan industri perfileman Malaysia telah banyak mencapai pembaharuan dalam pelaksanaan pelbagai program selaras dengan kehendak kerajaan dan industri perfileman tempatan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sejumlah 49 program latihan perfileman telah diadakan sepanjang tahun 2014 iaitu 39 bengkel perfileman, 1 mastertalk, 2 master class, 3 program diskusi filem dan 4 program tayangan dan apresiasi filem. Seramai 2,096 orang peserta telah menimba dan menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan perfileman daripada kesemua program latihan perfileman yang dilaksanakan oleh FINAS. FINAS menerusi Bahagian Pembangunan Industri komited mengadakan program-program latihan perfileman khususnya kepada karyawan, penggiat seni dan pelajar perfileman tempatan melalui aktiviti berbentuk bengkel, kursus, apresiasi filem, seminar, forum dan master class.

PERMODALAN DAN INSENTIF

Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia

Sehingga 31 Disember 2014, daripada 27 permohonan diterima sebanyak 14 permohonan telah diluluskan sebanyak RM83,631.60. Permohonan yang diluluskan adalah terdiri daripada 2 penerbitan filem pendek/dokumentari/animasi, 14 bantuan aktiviti perfileman dan selebihnya merupakan bantuan kepada industri termasuk mengadakan majlis anugerah, menghadiri festival antarabangsa serta dana mengadakan majlis bagi persatuan perfileman.

Dana Penerbitan Filem Cerek Animasi

Dalam usaha untuk menyahut cabaran bagi membangunkan industri animasi tempatan secara khusus, FINAS mengambil inisiatif untuk bersama dengan karyawan tempatan bagi menerbitkan filem animasi.

Pada tahun 2014 sebanyak 36 permohonan Dana Penerbitan Filem Cerea Animasi dan 2 permohonan telah diluluskan. Jumlah keseluruhan kelulusan dana adalah sebanyak RM3 juta.

Dana Kesan Khas (CGI)

Dana Kesan Khas (CGI) disediakan untuk membantu penggiat dan karyawan filem bagi menghasilkan filem tempatan yang berkualiti dengan kesan visual yang mantap seiring dengan perkembangan teknologi digital masa kini.

Pada tahun 2014, sebanyak 11 permohonan telah diluluskan di bawah Dana Kesan Khas (CGI) daripada 18 permohonan. Jumlah keseluruhan kelulusan dana adalah sebanyak RM8.6 juta. Sebanyak 6 buah filem yang mendapat dana berjaya disiapkan dan ditayangkan di bawah Skim Wajib Tayang bagi tahun 2014.

Skim Wajib Tayang

Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk menerima dan mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pemamer. Kewajipan pemamer hendaklah menayangkan filem yang diluluskan selama empat belas (14) hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.

Di bawah Skim Wajib Tayang, sebanyak 81 buah filem telah ditayangkan pada tahun 2014 dengan jumlah kutipan kasar sebanyak RM74,611,454.02. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 14.08% berbanding tahun 2013 hanya 71 buah filem. Sebanyak 23 buah filem telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1juta dengan jumlah sebanyak RM55,917,552.53. Kutipan tiket yang tertinggi iaitu sebanyak RM17.170juta adalah bagi filem cereka berjudul ‘The Journey’ terbitan Astro Shaw Sdn. Bhd.

Dana Pembangunan Skrip

Dana Pembangunan Skrip disediakan bagi membantu penulis skrip melakukan kajian yang memerlukan ketepatan fakta untuk sebuah penceritaan. Objektif dana ini adalah membantu penulis skrip menghasilkan skrip yang bermutu, membolehkan penulis skrip melakukan kajian mendalam dan menambah bilangan skrip yang bermutu.

Pada tahun 2014, sebanyak 3 permohonan telah diluluskan di bawah Dana Pembangunan Skrip daripada 5 permohonan. Jumlah keseluruhan kelulusan dana adalah sebanyak RM35,000.00.

Insetif Tayangan Filem Cerea (ITFC)

Kerajaan telah meluluskan Insetif Tayangan Filem Cerea (ITFC) supaya penerbit filem terus menghasilkan filem-filem cereka tempatan. Ia adalah ehsan kerajaan sebagai tanda sokongan terhadap perkembangan industri filem tempatan. Di antara syarat-syarat pemberian ITFC ialah filem cereka tempatan yang telah ditayangkan di pawagam dan berdaftar melalui Skim Wajib Tayang pada atau selepas 1 Julai 2011.

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 73 buah filem cereka telah menerima ITFC dengan melibatkan pembayaran insetif sebanyak RM7,808,676.38.

Sijil Perakuan Filem Tempatan (SPFT)

Takrif ‘Filem Tempatan’ bermaksud filem cerita atau filem cerita rekaan (cerea) yang diterbitkan di Malaysia bagi tujuan tayangan di pawagam-pawagam atau mana-mana tempat oleh syarikat filem yang diperbadankan di Malaysia dengan majoriti sahamnya dipegang oleh warganegara Malaysia dan mempunyai lesen yang sah dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 80 buah filem telah mendapat Sijil Perakuan Filem Tempatan (SPFT). Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 6.76% berbanding tahun 2013 hanya 74 buah filem mendapat Sijil Perakuan Filem Tempatan (SPFT).

MENGANTARABANGSAKAN INDUSTRI KANDUNGAN TEMPATAN

Pada tahun 2014, FINAS telah menyertai sebanyak 7 program pasaran filem antarabangsa iaitu European Film Market di Jerman, Hong Kong Filmart di Hong Kong, MIPTV, MIPCOM dan Marche Du Film di Perancis, American Film Market di Amerika Syarikat dan Asia Television Forum di Singapura. Hasil jualan filem tempatan di pasaran filem antarabangsa adalah sebanyak RM215.05 juta (2014) berbanding RM160.69 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan sebanyak 34%. Program pemasaran oleh FINAS memberi ruang dan peluang kepada filem-filem tempatan menembusi pasaran filem antarabangsa dan mengadakan usaha sama produksi dengan syarikat produksi antarabangsa.

PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

Keseluruhan lesen bagi aktiviti perfileman yang telah dikeluarkan pada tahun 2014 adalah sebanyak 7,359 lesen dibandingkan 7,271 lesen pada tahun 2013. Terdapat penurunan untuk beberapa kategori

lesen berdasarkan data pelesenan. Ini dapat dilihat apabila permohonan lesen pengeluaran filem (PF) telah menurun sebanyak 1.88%. 1,353 lesen PF dikeluarkan pada tahun 2014 dibandingkan 1,379 pada tahun 2013. Bagi aktiviti pengeluaran video (PV) pula, 49 lesen telah dikeluarkan pada 2014 berbanding 37 lesen pada 2013.

Pengeluaran lesen pengedaran filem (DF) menunjukkan penurunan sebanyak 7.5%. 1,072 lesen telah dikeluarkan pada tahun 2014 berbanding 1,160 pada tahun 2013. Lesen pengedaran video (DV) juga menunjukkan penurunan sebanyak 7.19%. Sebanyak 2,256 lesen DV dikeluarkan berbanding 2,431 pada tahun 2013.

Lesen pemameran filem (EF) pula menunjukkan peningkatan sebanyak 17.0%. 991 Lesen EF dikeluarkan berbanding 847 pada tahun 2013. Lesen pemameran video (EV) menunjukkan pertambahan sebanyak 15.5% iaitu 1,638 lesen dikeluarkan pada tahun 2014 berbanding 1,417 pada tahun 2013.

Melalui aktiviti pengeluaran lesen, jumlah hasil kutipan 2014 adalah sebanyak RM1,734,300.00, menurun sebanyak 3.88% berbanding RM1,804,400.00 pada tahun 2013.

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 2,905 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara berbanding 2,512 pada tahun 2013. Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan semua penglibat dan pengusaha perfileman di negara ini mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh FINAS. Jumlah ini meningkat sebanyak 393 pemeriksaan atau 13.5%.

Bagi aktiviti pemeriksaan lesen, sektor pemameran filem telah mendahului senarai pemeriksaan sektor lain iaitu sebanyak 820 buah premis, diikuti 773 premis di sektor pengedaran dan hanya 63 premis di sektor pengeluaran. Bagi sektor pengeluaran kebanyakan pemeriksaan adalah bagi aktiviti penggambaran filem manakala sektor pameran adalah bagi aktiviti pameran filem seperti pusat karaoke dan pawagam.

Pada keseluruhannya, pemeriksaan yang dijalankan menunjukkan negeri Johor telah mencatat jumlah pemeriksaan terbanyak iaitu 510 premis diikuti oleh Sarawak 449 premis, Sabah 382 premis, Pulau Pinang 360 premis, Selangor 334 premis, Kuala Lumpur 263 premis dan Melaka 153 premis.

MEREALISASIKAN VISI

Kemudahan bantuan dana kewangan yang sedia ada seperti Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia, Dana Penerbitan Filem Cerea Animasi, Dana Kesan

Khas (CGI), Dana Pembangunan Skrip dan Insentif Tayangan Filem Cerea (ITFC) telah membantu penerbit filem tempatan menghasilkan filem yang berkualiti yang berjaya dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Kemudahan infrastruktur yang lengkap dan berteknologi terkini yang disediakan oleh FINAS adalah bertujuan membantu penggiat industri tempatan menyediakan karya yang bermutu tinggi dan keperluan penambahbaikan kemudahan sedia ada serta penyediaan infrastruktur yang setanding dengan kemajuan teknologi filem masakini adalah diperlukan bagi memastikan penggiat industri tempatan bersaing beriringan dengan industri filem antarabangsa.

Program dan aktiviti bagi pembangunan modal insan industri perfileman tempatan yang disediakan oleh FINAS adalah bertujuan melahirkan penggiat industri filem tempatan baru dan menambahkan pengetahuan serta kemahiran yang sediada pada penggiat industri supaya tiada ketandusan seniman filem di dalam industri ini. Walaubagaimanapun pengisian program dan aktiviti latihan industri perfileman FINAS perlu diperkembangkan kepada pembangunan kandungan terkini yang meliputi kesemua aktiviti sektor multimedia seperti pengiklanan, seni reka grafik dan animasi serta kandungan digital. Ini akan menarik penglibatan baru dan menambah nilai kemahiran yang ada pada penggiat filem tempatan yang berpengalaman.

“JASAMU DIKENANG, BUDIMU DISANJUNG”

Bagi pihak Perbadanan, saya mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih kepada pengurusan dan kakitangan FINAS yang diketuai oleh Ybhg. Dato' Kamil Ahmad bin Mohd Othman dan bekas ketua pengarah FINAS iaitu YM Raja Rozaimie Raja Dalnish Shah di atas usaha daya untuk membangunkan dan memajukan industri perfileman tempatan pada tahun 2014 serta tahun-tahun sebelumnya.

Kami juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, iaitu Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan pengurusan tertinggi Kementerian serta bekas ahli-ahli Perbadanan di atas sokongan dan nasihat dalam membantu FINAS membangunkan industri perfileman Malaysia.

Tidak lupa juga kami ingin mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh kementerian, jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri perfileman tempatan dalam menjayakan program dan aktiviti perfileman tempatan pada tahun 2014.

Terima kasih semua.

PERUTUSAN KETUA PENGARAH FINAS



DATO' KAMIL AHMAD BIN MOHD OTHMAN
Ketua Pengarah

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Pada tahun 2014, hampir keseluruhan petunjuk prestasi utama (KPI) FINAS berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Usaha dan kerjasama berpasukan yang ada pada setiap warga kerja FINAS telah menghasilkan pencapaian positif sasaran KPI bagi dua tahun berturut-turut.

Antara sasaran KPI yang berjaya dicapai pada tahun 2014 adalah seperti program pemasaran filem tempatan ke luar negara yang telah mencapai nilai jualan sebanyak RM214.51 juta, iaitu melebihi sasaran nilai jualan sebanyak RM165 juta. Selain itu, sebanyak RM362 juta pelaburan produksi dalam negara telah dicapai dengan sasaran awal sebanyak RM200 juta. Program latihan perfileman untuk penggiat industri juga telah berjaya melebihi sasaran sebanyak 41 program latihan dengan sasaran sebanyak 40 program latihan.

Sesungguhnya kejayaan yang dicapai adalah selaras dengan strategi FINAS untuk mengorak langkah ke ruang baru yang terdapat dalam industri kandungan di Malaysia. Sektor kandungan multimedia yang merangkumi aktiviti seperti penerbitan filem dan televisyen, animasi dan kandungan digital akan memperkembangkan lagi fungsi dan objektif FINAS sejajar dengan perkembangan industri kreatif antarabangsa.

INFORMASI KORPORAT FINAS



INFORMASI KORPORAT FINAS

LATAR BELAKANG

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah ditubuhkan pada 1981 melalui Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan 1984) Akta 244 (Pindaan Akta A589). FINAS mula beroperasi pada 1 November 1981 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia. Mulai 16 Oktober 1986, FINAS diletakkan di bawah Kementerian Penerangan. Setelah itu, bermula pada 27 Mac 2004, FINAS telah diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA). Mulai 9 April 2009, FINAS telah diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Pada 15 Mei 2013, FINAS telah diletakkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Pada 6 April 2012, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan penggabungan FINAS dengan Filem Negara Malaysia (FNM) dan diterajui oleh FINAS.

Antara persetujuan jemaah menteri tersebut adalah meminda Akta 244 dengan memasukkan fungsi baharu iaitu menyebar maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan melalui pengeluaran filem dan merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib.

Penggabungan FINAS dengan Filem Negara Malaysia (FNM) berkuatkuasa pada 1 Januari 2013.



FUNGSI



KUASA

- Menjalankan tinjauan-tinjauan berkenaan dengan perusahaan perfileman dan menjalankan kajian-kajian kemungkinan bagi memajukan pengeluaran filem tempatan.
- Mengadakan kemudahan latihan dan mengawas serta menyelia pelaksanaan projek-projek dan program-program latihan berhubung dengan industri perfileman.
- Mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan perfileman untuk pengeluar, pengedar dan pemamer filem dan pemilik pawagam, tetapi tidak mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara langsung atau tidak langsung.
- Menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui.
- Memberi apa-apa subsidi atau kemudahan kredit tetapi tidak dengan apa jua cara untuk membolehkannya mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara langsung atau secara tak langsung.
- Menetap dan melevi fee atau lain-lain bayaran berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugasnya dan perjalanan kuasa-kuasanya di bawah Akta FINAS 1981.
- Mengambil bahagian dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan industri perfileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam festival, pameran dan seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia.
- Menubuhkan institusi-institusi, pusat-pusat dan bengkel-bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan lain-lain aktiviti yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan kemajuan industri perfileman.
- Mengadakan dorongan bagi industri perfileman.
- Menyebarluaskan maklumat kepada orang ramai mengenai berbagai aspek industri perfileman.
- Mengeluarkan rakaman liputan peristiwa bagi maksud arkib atau mengeluarkan apa-apa filem atau rakaman yang Kerajaan fikirkan perlu bagi maksud pendidikan, penerangan, seni, budaya dan perkara lain yang disyorkan oleh Perbadanan.
- Melaksanakan tugas-tugas yang lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

PUNCA KUASA

- Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan 1984) Akta 244 (Pindaan Akta A 589).
- Dasar Perfileman Negara (DFN) yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005.
- *NKEA: Communications Content and Infrastructure (CCI) MY Creative Content* yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2010.

LOKASI IBU PEJABAT DAN CAWANGAN

BIL.	LOKASI	NO.TELEFON	NO.FAKS
IBU PEJABAT			
1.	Kompleks Studio Merdeka Jalan Hulu Kelang 68000 Ampang Selangor	03-41041300	03-41075216
CAWANGAN			
1.	Pejabat FINAS Petaling Jaya Jalan Utara 46547 Petaling Jaya Selangor	03-79682137	03-79681137
2.	Pejabat Wilayah Utara- Bukit Mertajam No.10, Jalan Perda Selatan Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang	04-5372425	04-5372428
3.	Pejabat Wilayah Selatan - Johor Bahru Lot PTD 68856 Jalan Kencana Mas -Tebrau Business Park Taman Daya 81100 Johor Bahru Johor	07-3538870	07-3537758
4.	Pejabat Wilayah Timur - Kuantan Tingkat Bawah (A) Dan Tingkat Mezzanine(A) Bangunan Percetakan Jalan Besar 25000 Kuantan Pahang	09-5156281	09-5131078
5.	Pejabat Wilayah Sabah - Kota Kinabalu Lot 5.1 Tingkat 5 Blok A, Bangunan KWSP Jalan Karamunsing 88000 Kota Kinabalu Sabah	088-233252	088-246960
6.	Pejabat Wilayah Sarawak - Kuching SL 18, Seksyen 65 Jalan Merdeka Off Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub Petra Jaya 93050 Kuching Sarawak	082-255118/ 259576	082-246273

PENCAPAIAN KPI FINAS PETUNJUK PRESTASI UTAMA


BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	BT	OT	ET	ST	PENCAPAIAN 2013	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI (Unit Latihan Industri) Pembangunan Modal Insan	1. Penyediaan Program Latihan Perfileman termasuk Program Master Class	<40	40	>44	>48	46	40	41
	2. Bilangan Peserta	<700	720	>740	>1000	891	720	713
Unit Galakan Industri) Permodalan dan Insentif	Jumlah Kutipan Kasar Filem Cerea Tempatan Melalui Syarat Wajib Tayang	<RM90 juta	RM90 juta	>RM100 juta	>RM115 juta	RM85 juta	RM90 juta	RM73.86 juta
(Unit Khidmat Produksi) Pembangunan Infrastruktur	Hasil sewaan kemudahan, peralatan perfileman dan khidmat pasca produksi serta penjualan bahan audio visual	<RM2.5 juta	RM2.5 juta	>RM2.7 juta	>RM3 juta	RM2.06 juta	RM2.5 juta	RM2.5 juta
BAHAGIAN KEJURUTERAAN	1. Jumlah Jam Bahan Digital (NKEA CCI EPP1 - MYCC – Key Initiative 2) 2. Muatnaik bahan digital ke DAMNDS bagi agensi KKMM	<28,000	28,000	>30,000	>32,000	26,154 (jam)	28,000	122,552.95
		<10,000	10,000	>11,000	>12,000	10,058 (tajuk)	10,000	14,853
Di Bawah Sasaran		BT	OT		ET		ST	TB
						Melepas Sasaran	Sangat Melepas Sasaran	Tidak Berkenaan


BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2013			SASARAN 2014		PENCAPAIAN 2014	
		BT	OT	ET	ST	PENCAPAIAN 2013	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI Pembangunan Filem Dokumentari	Penerbitan Dokumentari bertaraf antarabangsa dengan kerjasama badan penyiar antarabangsa	<10	10	>12	>14	8	16	11
	Penerbitan Dokumentari	<40	40	>45	>50	47	40	33
BAHAGIAN KREATIF & TEKNIKAL	Promo	<150	150	>150	>155	97	150	117
	Bilangan Liputan Peristiwa Penting Dan Bersejarah Negara	<150	150	155	>160	268	150	274
BAHAGIAN PEMASARAN DAN PROMOSI (Unit Pasaran Antarabangsa)	Penyertaan pasaran filem antarabangsa dengan nilai jualan di pasaran filem antarabangsa	RM120 juta	RM120 juta	>RM125 juta	>RM130 juta	RM160.70 juta	RM165 juta	RM214.51 juta
	Pelaburuan Produksi di Malaysia	<RM200 juta	RM200 juta	>RM210 juta	>RM220 juta	RM148.4 juta	RM200 juta	RM 362,371,646.03 Juta
	BT	OT		ET		ST	TB	
Di Bawah Sasaran	Menepati Sasaran	Melepasai sasaran		Sangat Melepasai Sasaran		Tidak Berkewaan		

BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2013			SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
		BT	OT	ET		
BHG PELESENAN & PENGUATKUASAAN	Notifikasi aduan dalam masa 24 jam bekerja. (Disesuaikan dengan KPI YB Menteri dan KPI KSU)	100%	100%	100%	100% (Jumlah 58 Kes)	75%
Pengurusan, Pentadbiran dan Perundangan ***	Tindakan diambil ke atas aduan dalam masa 72 jam bekerja (Disesuaikan dengan KPI YB Menteri dan KPI KSU)	<93%	<93%	<94%	<95%	93% 54/58 kes (34-Tindakan berbentuk amaran 20 - Tindakan berbentuk amaran 14-tindakan akta FINAS 14-aduan palsu 2-tindakan amaran 3-tindakan siasatan lanjutan
BAHAGIAN KEWANGAN	Prestasi perbelanjaan Anggaran Belanja Mengurus	<95%	95%	>97%	100%	116.54% 95%
	Prestasi pembayaran bil dalam masa 14 hari	<95%	95%	>97%	100%	100% 95%
PUSAT SUMBER & RESTORASI	Bilangan Alihan Tajuk Filem Dalam Format Analog Ke Format Digital	<150 jam	<150 jam	>160 jam	>170 jam	130 jam 150 jam 165 jam
		BT	OT	ET	ST	TB
Di Bawah Sasaran	Menepati Sasaran			Melepas sasaran	Sangat Melepas Sasaran	Tidak Berkenaan

BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	BT	OT	ET	ST	PENCAPAIAN 2013	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	Peratus kakitangan yang menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun	<90%	90%	>95%	100%	100%	100%	98.15% (372 penjawat telah lengkap 7 hari berkursus
	Pencapaian pelaksanaan aplikasi HRMIS:							
	1. Pengemaskinian Maklumat Profil Peribadi	<95%	95%	97%	100%	100%	100%	99.20%
	2. Pengemaskinian Maklumat Profil Perkhidmatan	<95%	95%	97%	100%	100%	100%	99.50%
	3. Pengemaskinian Maklumat Data Perjawatan	<95%	95%	97%	100%	100%	100%	99.30%
	4. Pelaksanaan Submodul Perisytiharan Harta	<95%	95%	> 97%	100%	100%	100%	99.00%
	5. Pelaksanaan SKT & LNPT	<95%	95%	> 97%	100%	100%	100%	Peratusan SKT/ LNPT akan dikira pada akhir Januari 2015.
		BT	OT	ET	ST		ST	TB
	Di Bawah Sasaran		Menepati Sasaran	Melepas sasaran	Sangat Melepas sasaran			Tidak Berkenaan

CARTA ORGANISASI FINAS 2014





PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN



1. YBHG. DATUK HAJI MD. AFENDI DATUK HAJI HAMDAN

Pengerusi FINAS

1 April 2013 – 31 Januari 2015

2. TUAN HAJI AHMAD ZAHARAN IBRAHIM

Timbalan Pengerusi FINAS

1 September 2013 – 31 Disember 2014

3. YBHG. DATO' SRI ABDUL RAHIM MOHAMAD RADZI

Ahli Perbadanan

1 Januari 2014 – 15 Disember 2014

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

4. YBHG. DATO' SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD

Ahli Perbadanan

22 Disember 2014 – Sekarang

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

5. PUAN NOR AZIZATI HAMZAH

Ahli Perbadanan

20 Mei 2014 – Sekarang

Wakil Ketua Setiausaha

Kementerian Kewangan Malaysia

6. YBHG DATUK ABDUL RAUF YUSOH

Ahli Perbadanan

1 Disember 2012 – 31 November 2013

Dilantik semula

15 Januari 2014 – 14 Januari 2015

7. YBHG PROF. MADYA DATUK

DR. SHARIFUDDIN ZAINUDDIN

Ahli Perbadanan

1 Januari 2014 – 31 Disember 2014



8. **ENCIK ABDUL RAUAP PUTEH**
Ahli Perbadanan
1 April 2013 – 31 Disember 2014

9. **ENCIK MUHAMMAD AMMIR HARON**
Ahli Perbadanan
1 Ogos 2013 – 31 Julai 2014
Dilantik semula pada
1 Ogos 2014 – 31 Julai 2015

10. **ALLAHYARHAM YBHG. DATO' MUSTAPHA MA'AROF**
Ahli Perbadanan
1 Julai 2013 – 30 Jun 2014

11. **ENCIK PANCHACHARAM P. NALLIAH**
Ahli Perbadanan
1 Julai 2013 – 30 Jun 2014

12. **YBHG. DATO' HAJAH ROSNI HAJI ZAHARI**
Ahli Perbadanan
1 Jun 2014 - 31 Disember 2014

13. **YBHG. DATO' DORAISINGAM A/L RENGASAMY**
Ahli Perbadanan
1 Julai 2014 - 31 Disember 2014

14. **ENCIK ZAHRI BIN HAJI ARIS**
Ahli Perbadanan
1 Julai 2014 - 31 Disember 2014

BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN



BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

UNIT DASAR DAN PERANCANGAN

• Urus Setia Mesyuarat Ahli Perbadanan:

Unit Dasar dan Perancangan bertanggungjawab dalam memastikan kelancaran perjalanan Mesyuarat Ahli Perbadanan.

Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS bagi tahun 2014 telah diadakan seperti berikut :

a. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 1/2014

Tarikh : 16 Januari 2014 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama FINAS Petaling Jaya

b. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 2/2014

Tarikh : 18 Mac 2012 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

c. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 3/2014

Tarikh : 20 Mei 2014 (Selasa)
Masa : 3.00 petang
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

d. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 4/2014

Tarikh : 1 Julai 2014 (Selasa)
Masa : 11.30 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

e. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 5/2014

Tarikh : 4 September 2014 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 22 Kertas Kerja dan 23 Kertas Makluman telah dibincang dan dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Perbadanan.

Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan FINAS bagi tahun 2014 telah diadakan seperti berikut :

a. Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan Bil. 1/2014

Tarikh : 22 Julai 2014 (Selasa)
Masa : 3.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, Menara KKMM Putrajaya

b. Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan Bil. 2/2014

Tarikh : 7 Ogos 2014 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

- **Urus Setia Maklum Balas Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Pasca-Kabinet KKMM:**

Unit Dasar dan Perancangan bertanggungjawab menyediakan jawapan bagi maklum balas Minit Pengurusan dan Pasca-Kabinet KKMM yang berkaitan dengan FINAS dan dikemukakan kepada Urus Setia Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat Pasca-Kabinet KKMM. Mesyuarat Pengurusan KKMM telah diadakan sebanyak lima puluh enam (56) kali mesyuarat dan Mesyuarat Pasca-Kabinet KKMM telah diadakan sebanyak tiga puluh enam (36) kali mesyuarat.

- **Urus Setia Mesyuarat Pengurusan FINAS:**

Sepanjang tahun 2014, Unit Dasar dan Perancangan telah menjalankan tugas Urus Setia Mesyuarat Pengurusan FINAS sebanyak sebelas (11) kali mesyuarat.

- **Perantara Urusan Parlimen:**

Sepanjang tahun 2014, Parlimen Malaysia telah bersidang sebanyak enam (6) kali iaitu tiga (3) kali bagi persidangan Dewan Rakyat dan tiga (3) kali persidangan Dewan Negara. Jadual persidangan adalah seperti berikut :

Jadual Persidangan Parlimen Malaysia Tahun 2014

BIL	DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
1.	Mesyuarat Pertama Penggal Kedua (2014) Parlimen Ke-13 (10 Mac 2014 – 10 April 2014)	Mesyuarat Pertama Penggal Kedua (2014) Parlimen Ke-13 (21 April 2014 – 6 Mei 2014)
2.	Mesyuarat Kedua Penggal Kedua (2014) Parlimen Ke-13 (9 Jun 2014 – 19 Jun 2014)	Mesyuarat Kedua Penggal Kedua (2014) Parlimen Ke-13 (23 Jun 2014 – 1 Julai 2014)
3.	Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua (2014) Parlimen Ke-13 (7 Oktober 2014 – 27 November 2014)	Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua (2014) Parlimen Ke-13 (1 Disember 2014 – 18 Disember 2014)

UNIT PENYELIDIKAN

Unit Penyelidikan bernaung di bawah Bahagian Dasar dan Penyelidikan mempunyai 2 Pegawai Tadbir, seorang Pegawai Eksekutif dan dua orang Pembantu Tadbir. Antara tugas Unit Penyelidikan adalah :

1.	Melaksanakan Kajian Profileman Dengan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS).
2.	Melaksanakan Kajian Profileman Dengan Cawangan Penyelidikan, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (KKMM)
3.	Menjalankan Kajian Penontonan Filem Cerek.
4.	Menjalankan Kajian Berkaitan Produksi / Penerbitan Filem yang diterbitkan oleh Syarikat Pengeluar Filem Tempatan.
5.	Menyediakan Laporan Maklumat dan Data Berkaitan Industri Profileman Tempatan.
6.	Menyediakan Laporan Tahunan FINAS.

• Buku Data Industri

Unit Penyelidikan juga menjalankan aktiviti bulanan dengan mengeluarkan Buku Data Industri dimana buku tersebut merupakan rangkuman kajian sepenuhnya dalam maklumat industri termasuklah kutipan panggung, perlesenan, kajian filem dan sebagainya. Buku Data Industri ini merupakan kegunaan dalaman di mana akan diedarkan pada setiap 10 haribulan setiap bulan. Kaedah ini merupakan satu cara hebahan data setelah Unit Penyelidikan mendapatkan data secara terperinci.

• Laporan Tahunan FINAS

Laporan Tahunan merupakan agenda utama unit penyelidikan. Disamping menyampaikan maklumat perjalanan FINAS dalam masa setahun kepada orang awam, ianya juga merupakan satu laporan penting kepada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia KKMM membawa data dan maklumat ke kabinet yang bersidang setiap bulan Oktober setiap tahun. Laporan ini termasuklah maklumat kewangan, maklumat profileman, aktiviti sepanjang tahun serta laporan audit yang pasti ianya merupakan intipati dalam buku laporan setiap agensi. Disamping itu juga, unit menyediakan memorandum kepada jemaah menteri bagi menjawab soalan dan kebarangkalian semasa sesi sidang kabinet di Parlimen Malaysia.

• Projek Kajian Profileman

Unit Penyelidikan merangka kerjasama bersama universiti tempatan. Dalam kerjasama ini, Unit Penyelidikan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia telah memeterai satu projek kajian berkaitan dengan sektor animasi di Malaysia. Usahasama ini dijalankan di 4 buah negara iaitu Singapura, Indonesia, Thailand dan Jepun.

• Cadangan Projek Kajian Profileman bagi tahun 2015

Cadangan projek kajian profileman bagi tahun 2015 adalah menjalankan projek mengenai impak pelaksanaan levi kepada penjualan tiket di pawagam

Usahasama ini akan dijalankan bersama syarikat luar serta pengkaji professional. Disamping itu perancangan bersama Unit Penyelidikan KKMM dibawah bahagian Dasar dan Perancangan Strategik telah membuat sebuah kajian “**kajian kepuasan penontonan filem melayu tempatan**” dimana akan menjalankan kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif diseluruh pawagam di Malaysia.

UNIT PROJEK NKEA

Unit ini telah ditubuhkan pada 1 Julai 2013 yang dianggotai oleh seorang Penolong Pengarah, seorang Pegawai Eksekutif dan seorang Pembantu Tadbir. Tugas utama unit ini memantau dan mengurusetiakan enam projek *My Creative Content* dibawah bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara - *Communications Content and Infrastructure* (NKEA CCI) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak melalui Model Ekonomi Baru (NEM) yang meliputi Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Program Transformasi Ekonomi (ETP) meliputi beberapa Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) yang berperanan untuk memacu kemajuan ekonomi negara yang mana salah satu bidang iaitu NKEA Communications Content and Infrastructure (NKEA - CCI) diselia oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah FINAS dilantik sebagai Pengerusi, manakala Pengarah Dasar dan Penyelidikan dilantik sebagai Ketua Urus Setia Induk bagi EPP MY Creative Content di bawah NKEA Communications Content and Infrastructure (CCI) bagi menggerakkan enam projek *My Creative Content* iaitu :

BIL	INISIATIF UTAMA	JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DISALURKAN PADA TAHUN 2014 (RM/JUTA)
1	Bahagian Galakan Penggambaran	51 juta
2	Pendigitalan (<i>Content Digitisation</i>)	17.537,652
3	Creative Content Association of Malaysia (CCAM)	1 juta
4	Creative Content Industry Guild (CCIG)	0.800 juta
5	Dana Kesan Khas CGI	1.612,247
6	** Bahagian Industri Kreatif	-
JUMLAH		71.949,900

** Bahagian Industri Kreatif dipantau oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

PENCAPAIAN KPI 2014

Pendigitalan (*Content Digitisation*)

NO.	2013 KPI	KPI TARGET	TOTAL (KPI ACHIEVEMENT)
1.	Total material uploaded for the purpose of selling	10,000 (5,000) <i>(Titles)</i>	11,334
2.	The amount of digitized material	28,000 <i>(hour)</i>	60,083.8

Laporan Jualan Creative Content Association of Malaysia (CCAM) bersama Bahagian Pemasaran FINAS

SASARAN KPI TAHUN 2014	PENCAPAIAN (RM/JUTA)
RM200juta	RM235.13juta

Bahagian Galakan Penggambaran (FIMO)

BIL	PERMOHONAN FIMI	2014
1.	Produksi Tempatan : Bil. Projek Jangkaan Perbelanjaan Dalam Negara	2 RM8,996,560.00
2.	Produksi Antarabangsa : Bil. Projek Jangkaan Perbelanjaan Dalam Negara	9 RM 326,036,022.03
3.	Jumlah Jangkaan Perbelanjaan Dalam Negara	RM 335,032,582.03
4.	Jumlah Jangkaan 30% FIMI	RM 100,509,774.609

- **Creative Content Industry Guild (CCIG)**

Sehingga Disember 2014 sejumlah **5,934** ahli CCIG.

Dana Kesan Khas CGI

- **Peruntukan** : **RM 26,747,100.00**
- **Kelulusan** : **RM 25,085,000.00 (33 syarikat)**
- **Jumlah Pengeluaran**
 - Proses CGI** : **RM 15,895,000.00**
- **Perbelanjaan Lain** : **RM 169,750.28**
- **Baki Dana** : **RM 1,42,349.72**

BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI



BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

UNIT LATIHAN INDUSTRI

Unit Latihan Industri di bawah Bahagian Pembangunan Industri telah menjalankan fungsinya untuk memperkasakan modal insan industri perfileman negara. Unit ini telah menyediakan pelbagai program latihan perfileman yang menekankan kepada bidang-bidang bakat, kreatif, teknikal dan produksi yang mencakupi pra-produksi, produksi dan pasca produksi. Kompleks Studio Merdeka yang terletak di Hulu Kelang, Selangor adalah pusat latihan filem dan video yang menyediakan kemudahan fasiliti latihan perfileman kepada penglibat industri, juga kepada individu yang berminat untuk mengikuti latihan-latihan termasuk dari Institusi Pengajian Tinggi, jabatan atau agensi-agensi kerajaan.

Selain di Kompleks Studio Merdeka, Unit Latihan Industri juga bekerjasama dengan pihak-pihak Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Kemahiran dalam memberikan pengetahuan serta kemahiran kepada pelajar dan penduduk setempat di negeri tersebut. Pembelajaran kemahiran ini diberi secara *hands-on* oleh tenaga pengajar tempatan yang pakar dalam bidang masing-masing dengan kadar yuran penyertaan yang sangat minimal.

Unit ini juga menganjurkan program-program diskusi seperti *Masterclass*, *Mastertalk*, Forum, Seminar, Tayangan dan Apresiasi Filem. Program-program ini kerap juga dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Perfileman dan dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2014 Universiti Multimedia Malaysia telah diberikan peranan untuk menganjurkan Festival Filem Pelajar Malaysia Ke 11. Ini merupakan kali pertama sebuah Institusi Pengajian Tinggi swasta diberikan peluang untuk menganjurkan Festival ini.

• Program Latihan 2014

Pada tahun 2014, Unit Latihan Industri telah melaksanakan 49 program yang meliputi program-program seperti Bengkel Perfileman, *Masterclass*, *Mastertalk*, Seminar, Forum, Apresiasi dan Tayangan Filem. Pecahan dan ringkasan program-program adalah seperti berikut:

• Bengkel Perfileman

Sejumlah 39 bengkel Perfileman telah dilaksanakan sepanjang tempoh 2014 seperti di paparkan di Jadual 1:

Jadual 1

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	TENAGA PENGAJAR	BIL. PESERTA
1.		3 – 7	Bengkel Penulisan Skrip	FINAS Sarawak	En. Mazlan Manan	15
2.	FEB	10 -14	Bengkel Teknik Kamera Video Asas	Kompleks Studio Merdeka	En. Indra Che Muda En. Mispan Muslimin	21
3.	MAC	1 – 2	Bengkel Intensif Penerbitan Dokumentari (Pengkhususan Masjid Tanah)	Masjid Tanah, Melaka	En. Martias Ali	4

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	TENAGA PENGAJAR	BIL. PESERTA
4.	APRIL	3 – 7	Bengkel Lakonan	Galeri Perfileman FINAS	En. Hilal Azman	17
5.		9 – 13	Bengkel Teknik Kamera Video Asas	IKBN Kemasik, Terengganu	En. Khalid Sulaiman	14
6.		10 – 12	Bengkel Penulisan Skrip	UMS, Sabah	En. Ahadiat Akashah	15
7.		17 – 21	Bengkel Teknik Kamera Video Lanjutan	Kompleks Studio Merdeka	En. Indra Che Muda En. Mispan Muslimin	12
8.		24 – 28	Bengkel Lakonan Layar TV/ Filem	Sunway Hotel, Pulau Pinang	En. Khalid Sulaiman	6
9.		5 – 7	Bengkel Penulisan Skrip Dokumentari	UPSI, Perak	En. Azrain Ariffin	19
10.		6 – 10	Bengkel Teknik Kamera Video Lanjutan	IKBN Kemasik, Terengganu	YM Raja Mukhriz R. Ahmad	12
11.		7 – 11	Bengkel Pengarahan	Kompleks Studio Merdeka	En. Adman Salleh	11
12.		14 – 18	Bengkel Penulisan Skrip	Galeri Perfileman FINAS	Puan Maizurah Mohd. Ederis	15
13.		14 – 18	Bengkel Pengurusan Produksi	FINAS Sarawak	Capt. (R) Ab. Shukor Kadir	23
14.		17 – 19	Bengkel Penulisan Skrip Patuh Syariah	UKM, Selangor	En. Zabidi Mohamed	30
15.		20 – 24	Bengkel Pencahayaan	IKBN Kemasik, Terengganu	En. Mohd Fuad Ariffin	16
16.		21 – 25	Bengkel Penerbitan Video Dokumentari	Kompleks Studio Merdeka	En. Mohd Zaki Abdul Rahim	5
17.		25 – 26	Bengkel Penulisan Skrip	USIM, Nilai	En. Azrain Ariffin	42
18.	MEI	2,9 & 16	Bengkel Penulisan Skrip	CELPAD UIA,	En. Zabidi Mohamed	24
19.		4-8	Bengkel Multiple Camera Production	IKBN Kemasik, Terengganu	En. Mohd Zaki Abd Rahim	12

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	TENAGA PENGAJAR	BIL. PESERTA
20.	JUN	5-9	Bengkel Lakonan	Galeri Perfileman FINAS	En. Hilal Azman	13
21.		12-16	Bengkel Penulisan Skrip Dokumentari	Galeri Perfileman FINAS	En. Mohd Zaki Abd Rahim	12
22.		19-23	Bengkel Penyuntingan Naratif	Kompleks Studio Merdeka	En. Isazaly Isa	10
23.		26-30	Bengkel Teknik Kamera Video Asas	UMS, Sabah	En. Mohd Fuad Ariffin	16
24.	OGOS	2-6	Bengkel Penerbitan Pasca Audio	Kompleks Studio Merdeka	En. Azriddin Hamzah	20
25.		9-13	Bengkel Penerbitan Video	Kompleks Studio Merdeka	En. Abd Khalid Sulaiman En. Muhammad Irwan	20
26.		16-20	Bengkel Penyuntingan Naratif	UMS, Sabah	En. Isazaly Isa	24
27.		23-27	Bengkel Penerbitan Filem Pendek	FINAS Sarawak	En. Adman Salleh	15
28.		4-8	Bengkel Teknik Kamera Video Lanjutan	UMS, Sabah	En. Indra Che Muda	20
29.	SEPT	11-15	Bengkel Penerbitan Video	Kompleks Studio Merdeka	En. Khalid Sulaiman En. Muhammad Irwan	14
30.		18-22	Bengkel Penerbitan Klip Video	UMS, Sabah	En. Khalid Sulaiman	21
31.		8-12	Bengkel Teknik Kamera Video Asas	FINAS Sarawak	En. Mohd Filus Ghazali En. Ahmad Tajuddin	24
32.	OKT	22-26	Bengkel Pengarahan	UMS, Sabah	En. Othman Hafsham	14
33.		29-3 Okt	Bengkel Penyuntingan Naratif Asas	UMS, Sabah	En. Isazaly Isa	15
34.	OKT	13-17	Bengkel Lakonan	FINAS, Sarawak	En. Pekin Ibrahim	20

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	TENAGA PENGAJAR	BIL. PESERTA
35.		13-17	Bengkel Penerbitan Klip Video	FINAS, Sarawak	En. Khalid Sulaiman	17
36.		20-26	Bengkel Penerbitan Video Dokumentari	UPSI, Perak	En. Mohd Zaki Rahim	19
37.		27-31	Bengkel Pencahayaan	UMS, Sabah	En. Mohd Filus Ghazali	21
38.	NOV	3-7	Bengkel Pengurusan Produksi	UMS, Sabah	En. Mahantheran a/l Maxwell	28
39.		17-21	Bengkel Pencahayaan	FINAS, Sarawak	En. Mohd Filus Ghazali	14
JUMLAH						670

• Program Masterclass

Masterclass diadakan untuk memberi peluang kepada penglibat-penglibat industri berinteraksi di samping berkongsi pengalaman serta idea. Dalam tahun 2014 sebanyak 2 masterclass telah dilaksanakan seperti di Jadual 2:

Jadual 2

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	TENAGA PENGAJAR/ NEGARA	BIL. PESERTA
1.	APR	28-30	Masterclass Screenplay, <i>Writing & Short Film Making</i>	Kompleks Studio Merdeka	Mr. Krishnan Hariharan, India	20
2.	DIS	3-8	Masterclass Stuntman	Kompleks Studio Merdeka	Mr. Colin Hardley, Australia	23
JUMLAH						43

• Program Mastertalk

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Sony Asia Pasifik mengenai pengenalan dan pengguna kamera baru keluaran Sony.

Jadual 3

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	TENAGA PENGAJAR/NEGARA	BIL. PESERTA
1.	DIS	12	<i>Mastertalk 4K Camera</i>	Kompleks Studio Merdeka	Mr. Wong Kit Hung, Hong Kong Mr. Jacky Chueng, Hong Kong Mr Aaron Hee, Singapore	100
JUMLAH						100

• Program Seminar Dan Forum

Sebanyak 3 program diskusi yang membincangkan isu-isu dalam industri perfileman masa kini telah dilaksanakan seperti di Jadual 4:

Jadual 4

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	PANEL JEMPUTAN	BIL. PESERTA
1.	APR	22	Seminar "Sinema Islam: Falsafah, Nilai & Cabaran"	Kompleks Studio Merdeka	Dr. Norman Yusoff Prof. Dr.Naim Hj. Ahmad A Wahab Hamzah Dr. Mahadi J. Murat Imam Muda Asraf Fikri Jermadi	170
2.	SEPT	24	Forum 'CGI In Film: How Its Made'	Kompleks Studio Merdeka	En. Syafiq Yusof Pn. Yasmin Suleiman En. Azim Hulaimi Azhar Ahmad@ Salleh	300
3.	OKT	30	Forum Hala Tuju Transformasi Industri Kandungan Kreatif	Empire Hotel Subang	Dato' Sharil Tarmizi(SKMM) Dato' Mohd Kamil Othman (MDeC) Dato Abu Bakar Abd Rahim (RTM) Dr. Megat Al-Imran Yasin (FINAS) En. Low Suoi Seong(CCAM)	350
JUMLAH						820

• Program Tayangan Dan Apresiasi Filem

Sebanyak 4 program tayangan dan apresiasi filem telah dilaksanakan bagi memberikan peluang kepada karyawan memberikan pandangan-pandangan mereka dalam pelbagai aspek pembikinan sesuatu filem seperti di Jadual 5:

Jadual 5

BIL	BULAN	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	PANEL/ARTIS JEMPUTAN	BIL. PESERTA
1.	APR	12	Tayangan dan Apresiasi Filem 'Vikingdom'	Pawagam Mini P. Ramlee	En. Norman Abdul Halim En. Amaludin Syukri En. Roslen Fadzil En. Fikri Jermadi	60
2.	MEI	31	Tayangan dan Apresiasi Filem 'Mekanik' dan 'Papadom II' - FDAM	Pawagam Mini P. Ramlee	Tn Hj Othman Hafsham Hassan Mutalib Dr. Norman Yusof Dato' Ahmad Tarmimi Saregar Afdlin Shauki Patrick Lim Moey Cheng Syed Zulkifli Masir	21
3.	JUN	21	Tayangan dan Apresiasi Filem 'Highland Tower'	Pawagam Mini P. Ramlee	Atikah Suhaime Shima Anuar Akmal Abdullah Dr. Jamalludin Aziz	82
4.	SEPT	24	Tayangan dan Apresiasi Filem 'The Journey'	Pawagam Mini P. Ramlee	En. Chiu Keng Guan En. Lee Sai Peng En. Roslen Fadzil Dr. Jamaluddin Aziz	300
JUMLAH						463

• Festival Filem Pelajar Malaysia Ke 11 (FFP 11)

Pelancaran Festival Filem Pelajar Malaysia ke 11 atau FFPM 11 telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr Muhamad Rasat Muhamad, Presiden MMU pada 16 Jun 2014, bertempat di e-Theatre, Fakulti Kreatif Multimedia, Universiti Multimedia, Cyberjaya. MMU mengetengahkan tema "Metamorfosis : Inspirasi & Ekspresi" yang sejajar dengan matlamat Program Transformasi Nasional (NTP) menerusi teras Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur, iaitu memupuk industri kandungan kreatif domestik bertepatan dengan EPP1 : Kandungan Kreatif Malaysia (Entry Point Projects/Projek Permulaan) untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan bagi membentuk kandungan asli ciptaan tempatan yang seterusnya berkeupayaan memacu Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Metamorfosis adalah dari perkataan Greek bermaksud perubahan yang merujuk kepada proses perkembangan biologi terhadap hidupan yang melibatkan perubahan rupa bentuk fizikalnya serta mengubah cara dan gaya hidup yang sama sekali berlainan dari kehidupan dan persekitaran asalnya. Dalam konteks perkembangan industri kandungan kreatif ini, metamorfosis terhadap kreativiti merupakan satu proses transformasi yang lebih organik, halus dan unik terhadap anjakan minda pemikiran serta penghasilan mutu karya-karya kreatif yang disokong oleh keupayaan teknologi serta kemahiran tinggi mengendalikannya.

Sebanyak 379 penyertaan telah diterima daripada 40 IPTA/IPTS di seluruh Malaysia, bertanding untuk memenangi tujuh (7) kategori utama dan 13 kategori iringan.

FFPM 11 telah berlangsung selama 3 hari pada 20-22 November 2014 di Kampus Cyberjaya dengan pelbagai pengisian program. Malam Anugerah Iringan telah berlangsung pada 20 November 2014 di Multipurpose Hall, Universiti Multimedia dan Malam Anugerah Utama pula telah berlangsung pada 22 November 2014 di Dewan Tun Canselor Universiti Multimedia yang dihadiri oleh tetamu kehormat, YBhg. Dato' Kamil Othman Ketua Pengarah FINAS.

FFPM ke 11 menyaksikan pelajar-pelajar IPTA/IPTS yang menggondol anugerah pada tahun 2014 seperti di Jadual 6:

Jadual 6

BIL	ANUGERAH	JUDUL FILEM	IPTA/IPTS
1.	Filem Terbaik Keseluruhan	Perception	Universiti Multimedia
2.	Filem Pendek Terbaik	Perception	Universiti Multimedia
3.	Filem Dokumentari Terbaik	The Just Case of Adil	Universiti Malaysia Sarawak
4.	Animasi Terbaik	White-Collar Time	Universiti Multimedia
5.	Iklan Terbaik	Behind the Scenes	Universiti Multimedia
6.	Pesanan Khidmat Awam Terbaik (PSA)	Reading It Backwards	Universiti Multimedia
7.	Filem Eksperimental Terbaik	Skin	Universiti Multimedia
8.	Muzik Video Terbaik	Seriputeh	Universiti Teknologi MARA
9.	Pengarah Terbaik	Frame	ASWARA
10.	Kesan Khas Terbaik	Perception	Universiti Multimedia
11.	Sinematografi Terbaik	The Man Who Drowned His Sorrows.	Universiti Multimedia
12.	Skrip Terbaik	White Collar Time.	Universiti Multimedia
13.	Suntingan Terbaik	Running Men	Universiti Multimedia
14.	Penataan Bunyi Terbaik	White Collar Time	Universiti Multimedia
15.	Kostum Terbaik	Curi	ASWARA
16.	Skor Muzik Terbaik	Simfoni	Universiti Multimedia
17.	Grafik Terbaik	Perception	Universiti Multimedia
18.	Lakon layar Terbaik	Simfoni	Universiti Multimedia
19.	Undian Terbanyak - Filem	Selfie	Universiti Multimedia
20.	Undian Terbanyak - Animasi	Hijau	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
21.	Anugerah Khas Juri : Karakter Animasi Terbaik	White Collar Time	Universiti Multimedia
22.	Anugerah Khas Juri : Inovasi Metamorfosis	Simfoni	Universiti Multimedia

• Galeri Perfileman Filem

Sepanjang tempoh 2014, pihak Galeri telah menerima seramai 761 pengunjung dari pelbagai organisasi untuk melihat sejarah khazanah filem dari pelbagai era. Berikut adalah ringkasan laporan aktiviti dan jumlah kunjungan orang ramai yang datang ke Galeri Perfileman FINAS seperti di Jadual 7.


Jadual 7

BIL	BULAN	TARIKH	AKTIVITI	PANEL/ARTIS JEMPUTAN	BIL. PENGUNJUNG
1.	JAN	1-31	Lawatan Individu / Korporat / Jabatan Kerajaan / Syarikat Penerbitan Filem	-	27
2.	FEB	1-28	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Pelajar Sekolah	-	31
3.	MAC	1-31	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Pelajar Sekolah / Syarikat Penerbitan Flem / Pelajar IPT / Media / Syarikat Korporat.	-	16
		3-7	Bengkel Lakonan	Hisyam Hamid / Rosmawati Hanafi	17
		8	Program Ramah Mesra-Hisyam Hamid Fan Clubs		100
4.	APR	1-30	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan /Pelajar Sekolah / Syarikat Penerbitan Flem / Pelajar IPT / Media/Syarikat Korporat.	-	147
		3-7	Bengkel Penulisan Skrip	-	14
5.	MEI	1-31	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Pelajar Sekolah / Syarikat Penerbitan Flem / Pelajar IPT / Media/Syarikat Korporat.	-	98
		5-9	Bengkel Lakonan	-	16
		12-16	Bengkel Penulisan Skrip Dokumentari	-	12
6.	JUN	1-30	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Pelajar IPT / Syarikat Korporat.	-	31
7.	JUL	1-31	Lawatan Individu / Syarikat Korporat.	-	15
8.	OGOS	1-31	Lawatan Individu /Jabatan Kerajaan / Syarikat Korporat.	-	22
9.	SEP	1-30	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Syarikat Penerbitan Flem/ Pelajar IPT / Syarikat Korporat.	-	93
10.	OKT	1-31	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Syarikat Korporat.	-	22
11.	NOV	1-30	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan / Pelajar IPT / Syarikat Korporat.	-	49
12.	DIS	1-31	Lawatan Individu / Jabatan Kerajaan	-	51
JUMLAH					761





FORUM HALATUJU TRANSFORMASI INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF




TAYANGAN DAN APRESIASI FILEM





MASTERCLASS



MASTERTALK



FESTIVAL FILEM PELAJAR MALAYSIA KE 11





UNIT GALAKAN INDUSTRI

• Dana Kesan Khas (CGI)

12.	19 Dis 2014	Tayangan Wayang Pacak Lakonan Seniman Tan Sri P.ramlee sempena Karnival nilai-nilai murni dan semarak warisan di Dataran Sg Perak Indah.Kuala Kangsar Perak
13.	20 September 2014	Apresiasi filem sempena Forum Pencinta Filem Universiti Malaysia Sabah (UMS)

UNIT PENERBITAN

Unit Penerbitan merupakan sebuah unit yang merangka, merancang, menyedia dan mengemaskini aktiviti penerbitan bagi membantu mencapai fungsi yang telah ditetapkan melalui penerbitan yang selari dengan perkembangan industri perfileman.

• Majalah Sinema Malaysia

Majalah Sinema Malaysia merupakan majalah rasmi FINAS dan telah diterbitkan sebanyak dua kali pada tahun 2014. Penerbitan majalah Sinema Malaysia pada tahun 2014 memperlihatkan perkembangan industri dokumentari selaras dengan Dasar Perfileman Negara dalam meningkatkan pembangunan filem dokumentari serta pengaruh filem dan impaknya terhadap masyarakat pada masa kini.

Majalah Sinema Malaysia edisi pertama lebih mengenangkan tentang industri dokumentari di Malaysia. Oleh itu, pengisian yang dipaparkan menjurus kepada rentetan majlis Anugerah Dokumentari Malaysia yang diadakan pada penghujung tahun 2014. Anugerah Dokumentari Malaysia adalah acara dwi tahunan FINAS dan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat-penggiat industri filem serta menyemarakkan lagi penerbitan filem dokumentari dikalangan penggiat filem. Selain itu, diselitkan juga imbasan perkembangan filem nostalgia pada zaman sebelum ini yang berkisarkan pengarah filem melayu pertama iaitu Haji Mahadi serta aktiviti-aktiviti Finas yang lain.

Bagi edisi kedua, majalah Sinema Malaysia memperlihatkan pengaruh filem terhadap citarasa penonton pada masa kini. Filem The Journey dijadikan sebagai pilihan utama bagi muka depan majalah. Turut dimuatkan perkembangan artis-artis tanah air menerusi ruangan berita dan aktiviti menerusi artikel-artikel yang dipaparkan. Contohnya seperti aktiviti lawatan ke FINAS, aktiviti persatuan artis dan majlis-majlis dalaman FINAS.

Majalah Sinema Malaysia telah diedarkan kepada warga FINAS, Ahli Perbadanan, kementerian/jabatan dan agensi, persatuan perfileman, syarikat-syarikat produksi, penggiat filem, Kelab Pencinta Filem, institusi pengajian tinggi, perpustakaan, muzium dan orang ramai melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Multimedia dan Komunikasi serta FINAS.

• Penerbitan Buku Perfileman

Bagi tahun 2014, FINAS telah berjaya menerbitkan sebuah buku penerbitan autobiografi tentang Allahyarham Dato' Mustapha Ma'arof yang mengisahkan kisah hidup beliau dan juga liku-liku kehidupan beliau sebagai anak seni daripada seorang yang biasa kepada seorang yang dikenali ramai. Buku ini juga turut memuatkan pencapaian dan anugerah-anugerah yang telah diperolehi sepanjang penglibatan beliau sebagai seorang anak seni. Penghasilan buku ini berjaya mendapatkan koleksi-koleksi gambar dan kisah peribadi Allahyarham sendiri. Dengan terbitnya buku ini, sekali gus memberi ruang penghargaan tersendiri buat Allahyarham Dato' Mustapha Ma'arof dan juga peminat filem melayu.

• Bahan Percetakan

Bagi tujuan promosi dan informasi, Unit Penerbitan telah menyediakan bahan-bahan percetakan seperti brosur, bunting, banner, pamphlet dan poster untuk semua program yang dianjurkan oleh FINAS seperti Hari Terbuka FINAS, Festival Filem Malaysia, Festival Filem Dokumentari, Bengkel, apresiasi filem, pameran buku dan lain-lain lagi. Selain itu, Unit Penerbitan juga menerbitkan kalender tahunan, kad dan sampul raya serta penyediaan Laporan Tahunan FINAS 2013. Kebanyakan rekaan-rekaan ini digunakan bagi acara yang melibatkan bahagian atau unit yang mempromosikan FINAS di peringkat antarabangsa maupun tempatan.



Buku Mustapha Ma'arof Seniman Merentas Zaman

BACKDROP



FORUM HALA TUJU TRANSFORMASI INDUSTRI KANDUNGAN **KREATIF**

30 Oktober 2014 (Khamis)
8.00 Pagi - 5.30 Petang
Emperor Ballroom, Hotel Empire, Subang Jaya



PROGRAM KELAB PEMINAT **HISYAM HAMID**

Bersama
GALERI PROFILEMAN FINAS

8 Mac 2014 (Sabtu)

POSTER



JAPAN-MALAYSIA PROJECT 2014

24 SEPTEMBER 2014

TAYANGAN & APRESIASI

HLEM TEMPATAN

DOMINIC PURCELL

CRAIG FAIRBASS NATASHA MALTHE JON TDO CONAN STEVENS



12 April 2014 (Sabtu)

Jam 10.00 pagi ■ Pawagam Mini P Ramlee
Kompleks Studio Merdeka, Jalan Hulu Kelang, Selangor

SEMUA DIJEMPUT HADIR • MASUK PERCUMA

EQUIPMENT RENTAL & SERVICES

DATARAN KARYAWAN FINAS

SOUND STAGE STUDIO

DIGITAL MIXSTAGE STUDIO

- MIX STAGE STUDIO
- AUDIO DUBBING ROOM
- AUDIO SWEETENING ROOM
- FOLEY &
- OPTICAL SOUND CAMERA

FINAS POST

CAMERA RENTAL
POST PRODUCTION
RECORDING STUDIO
THEATRETTTE
AUDIO &
ACCESSORIES

National Film Development Corporation Malaysia
Kompleks Studio Merdeka, Lot 1662, Batu 8, Jalan Hulu Kelang
68000 Ampang, Selangor
No. Tel: 603-41041300 No. Fax: 603-41075216

IKLAN

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

www.finas.gov.my

OBJEKTIF Menggalak, memelihara dan Memudahkan kemajuan industri perfilman

VISI Peneraju utama industri perfilman negara ke persada dunia

MISI Memperkasakan kemudahan dan perkhidmatan perfilman negara
Mengantarabangsa bahan kandungan kreatif tempatan dan lokasi penggambaran
Menerbitkan bahan audio visual tentang dasar dan pencapaian kerajaan serta mempromosikannya melalui pelbagai platform media dan Mendokumentasi, menyimpan, memelihara dan memulihara bahan kandungan audio visual.

BUKU PROGRAM



KAD RAYA



• Pameran Buku


Unit Penerbitan juga telah menyertai beberapa pameran buku yang telah diadakan sepanjang tahun 2014. Aktiviti – aktiviti yang dijalankan ialah penjualan buku - buku eksklusif terbitan FINAS dan sesi bergambar bersama artis. Antara pameran sepanjang tahun 2014 adalah :

- Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di PWTC pada 24 April – 4 Mei 2014
- Pesta Buku Selangor 2014 di SACC pada 29 Ogos – 8 September 2014
- Malaysia Book Expo 2014 di PWTC pada 10 November – 14 Disember 2014



Pegawai Finas memberi penerangan mengenai penghasilan buku-buku tokoh perfileman kepada salah seorang pengunjung sempena pesta buku antarabangsa di Putra World Trade Centre Kuala Lumpur yang berlangsung pada 24 April – 4 Mei 2014.

Koleksi Gambar-Gambar Sepanjang Pameran Buku



BAHAGIAN KREATIF DAN TEKNIKAL



BAHAGIAN KREATIF DAN TEKNIKAL

UNIT PRODUksi DAN DOKUMENTASI

Unit Produksi dan Dokumentasi , Bahagian Kreatif & Teknikal mempunyai fungsi utama iaitu membuat liputan Peristiwa bersejarah Negara dengan cekap, bermutu dan berkesan.

Sepanjang tahun 2014 fungsi di atas telah dilaksanakan dengan sebaiknya dengan kapasiti kakitangan yang ada. Key Performance Indicator (KPI) bagi unit ialah seperti berikut;

BIL	PELAN TINDAKAN	SASARAN PRESTASI TAHUN 2014
1.	LIPUTAN PERISTIWA BERSEJARAH NEGARA	100

Unit ini akan terus melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin demi mencapai objektifnya iaitu dapat memperkayakan koleksi sebagai khazanah negara & sebagai bahan rujukan di masa hadapan.

Senarai Liputan Filem Mengikut Kategori dan Jenis

BIL	KATEGORI	JENIS FILEM			JUMLAH
		DOKUMENTARI	TRELER	ARKIB	
1.	Gagasan 1 Malaysia	-	-	2	2
2.	Dasar dan Program Nasional	6	40	29	75
3.	Promosi Jabatan/Agenzi Kerajaan	2	7	13	22
4.	Institusi Raja	-	7	22	29
5.	Biografi	-	-	-	-
6.	Pilihanraya	-	3	10	13
7.	Persidangan/Mesyuarat	-	1	11	12
8.	Perayaan Sambutan	-	7	46	53
9.	Aktiviti FINAS	3	5	37	45
10.	Aktiviti Kementerian	4	2	27	33
11.	Agama	-	5	4	9
12.	Lawatan	-	-	11	11
13.	Seni dan Budaya	-	1	11	12
14.	Pelbagai	5	17	47	69
JUMLAH KESELURUHAN		20	95	270	385

UNIT PELAKSANAAN PRODUksi

Unit Pelaksanaan Produksi, Bahagian Kreatif & Teknikal mempunyai fungsi utama iaitu merancang, mengendali dan menerbitkan produksi dokumentari dan treler dengan cekap, bermutu dan berkesan.

Sepanjang tahun 2014 fungsi di atas telah dilaksanakan dengan sebaiknya dengan kapasiti kakitangan yang ada. Key Performance Indicator (KPI) bagi unit ialah seperti berikut;

PENERBITAN DOKUMENTARI	PENERBITAN TRELER
21	100

Pencapaian utama unit adalah seperti berikut:

DOKUMENTARI	TRELER
20	95

Unit ini akan terus melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin demi mencapai objektifnya iaitu membantu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman rakyat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan menerusi dokumentari dan treler yang diterbitkan.

Senarai Filem Dokumentari Mengikut Kategori 2014

BIL.	KATEGORI / TAJUK
	A. DASAR DAN PROGRAM NASIONAL <ol style="list-style-type: none"> PELANCARAN JALUR GEMILANG 2013 (16.8.2013) ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KETIGA BELAS (2013) MAJLIS PRA PELANCARAN SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE-57, 2014 MONTAJ HARI KEMERDEKAAN 2014 (Tayangan Malam Appresiasi Merdeka 2014 – 10.10.14) ISTIADAT ANGKAT SUMPAH AHLI PARLIMEN BARU 2013 ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KEDUA, MAJLIS PARLIMEN KETIGA BELAS 2014
	B. PROMOSI JABATAN/AGENSI KERAJAAN <ol style="list-style-type: none"> KLIP VIDEO “ SEJARAH DEWAN NEGARA” KLIP VIDEO – THE 36TH GENERAL ASSEMBLY ASEAN INTER PARLIMENTARY ASSEMBLY (AIPA) KUALA LUMPUR 2015
	C. AKTIVITI FINAS <ol style="list-style-type: none"> FESTIVAL FILEM MALAYSIA 26 2014 - IMBASAN KEMBALI FFM TERDAHULU VIDEO KORPORAT MYCC4DWORLD (PERSEMBAHAN MULTIMEDIA) VIDEO KLIP UNTUK MAJLIS PERPISAHAN BEKAS KP FINAS YM RAJA ROZAIMIE
	D. AKTIVITI KEMENTERIAN <ol style="list-style-type: none"> BENGKEL PEMUKIMAN (RETREAT) HALA TUJU KKMM (VERSI PENDEK) – 9 MINIT BENGKEL PEMUKIMAN (RETREAT) HALA TUJU KKMM, KIJAL, TERENGGANU (VERSI PANJANG) – 20 MINIT HIMPUNAN BAHAN UNTUK PERHIMPUNAN BULANAN KKMM BULAN OGOS 2014 AKTIVITI MENTERI, TIMBALAN MENTERI & KSU KKMM UNTUK TAYANGAN PERHIMPUNAN BULANAN KKMM BULAN OGOS 2014

BIL.	KATEGORI / TAJUK
	E. PELBAGAI
1.	SHOWREEL GIANT PANDA
2.	MALAYSIA'S BEST TEACHER (Kerjasama Dengan <i>Discovery Channel</i>)
3.	PUSPANITA – VIDEO KORPORAT
4.	PERTEMUAN PENGGIAT SENI 2014
5.	PERTEMUAN PENGGIAT SENI 2014 - SIDANG MEDIA

Senarai Filem Treler Mengikut Kategori 2014

BIL.	KATEGORI / TAJUK
	A. DASAR DAN PROGRAM NASIONAL
1.	GST – APA ITU GST (60”)
2.	GST – JENIS BARANGAN (60”)
3.	BR1M – GRAFIK (60”)
4.	BR1M – TEMU BUAL (60”)
5.	BR1M – i-BR1M (50”)
6.	KRISIS AIR
7.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – LAGU JALUR GEMILANG (VERS 1) – 60 saat
8.	NOTA....57 TAHUN MERDEKA
9.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG (Hi End) – 1 min. 30 saat
10.	NILAI-NILAI MURNI – MENEPATI & MENGHARGAI MASA
11.	NILAI-NILAI MURNI – ADAP SEPANJANG PERJALANAN
12.	LAGU NEGARAKU
13.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – LAGU JALUR GEMILANG Versi 40 saat
14.	LAGU WARISAN (VERS 2014)
15.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG (Hi End) – versi pendek – 1 minit
16.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – LAGU TEMA
17.	TEMA – “DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA”. (Penyanyi Bob)
18.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – DOA UNTUK MALAYSIA
19.	HARI KEMERDEKAAN 2014 - MAJLIS PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG (MEMAKLUMKAN TARikh, MASA, TEMPAT DAN PERASMI)
20.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – LAGU TEMA “DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA” – NYANYIAN BOB YUSOF (VISUAL)
21.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – LAGU TEMA
22.	TEMA – “DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA” - Visual
23.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – SEMANGAT CINTAKAN NEGARA
24.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – PENGERTIAN DI SEBALIK LAGU TEMA – “DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA ”
25.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – SAMBUTAN AMBANG MERDEKA (MEMAKLUMKAN TARikh, MASA, TEMPAT DAN TETAMU JEMPUTAN)

BIL.	KATEGORI / TAJUK
26.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – MONTAJ MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN & KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG (Majlis pada 18.8.14) – untuk media baharu
27.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – TEMA & LOGO TEMA – “ DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA ”
28.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – MINGGU MERDEKA
29.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – ACARA PERBARISAN & PERARAKAN (MEMAKLUMKAN TARikh, MASA & TEMPAT)
30.	57 TAHUN MERDEKA
31.	HARI KEMERDEKAAN 2014 – KEMAJUAN MALAYSIA SEJAK AWAL MERDEKA
32.	LAGU WARISAN (HI END)
33.	MEMORI 57 TAHUN KEMERDEKAAN
34.	IMBASAN MERDEKA 57 TAHUN
35.	KLIP VIDEO LAGU DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA (VERS1 KOIR)
36.	KLIP VIDEO LAGU WARISAN (VERS1 KOIR)
37.	HARI MALAYSIA 2014 – TANPA KEBERANIAN KITA TIDAK MUNGKIN DAPAT BERSATU (HI END)
38.	BERSAMA KITA MENYAMBUT HARI MALAYSIA SAMBUTAN HARI UNESCO 2014
39.	PERSIDANGAN DWI TAHUNAN CAPAM 2014 (COMMONWEALTH ASSOCIATION FOR PUBLIC ADMINISTRATION AND MANAGEMENT)
40.	GST
B. PROMOSI JABATAN/AGENSI KERAJAAN	
1.	BSVN - BAKAT MUDA SEZAMAN (<i>THE YOUNG CONTEMPORARIES</i>)
2.	PROGRAM 101 MAKANAN HAMPIR PUPUS (JWN)
3.	TAPAK RIZAB BIOSFERA DI BAWAH PROGRAM MAN BIOSPHERE (TASIK CHINI, PAHANG & BANJARAN CROCKER, SABAH) – Versi BI (tayangan di Sweden)
4.	TAPAK RIZAB BIOSFERA DI BAWAH PROGRAM MAN BIOSPHERE (TASIK CHINI, PAHANG & BANJARAN CROCKER, SABAH) - Versi BM (siaran di TV)
5.	PAMERAN “WARISAN KITA WARISAN DUNIA” – JWN
6.	BSVN SECARA AM (PERMOHONAN DARIPADA BSVN)
7.	BSVN – PAMERAN SOLO CHOONG KAM KAW (PERMOHONAN DARIPADA BSVN)

BIL.	KATEGORI / TAJUK
	<p>C. INSTITUSI RAJA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. HARI KEPUTERAAN RASMI SPB YANG DIPERTUAN AGONG XIV TAHUN 2014 2. MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT/SOLAT JUMAAT DAN KHUTBAH KHAS SEMPENA ULANGTAHUN KEPUTERAAN RASMI SPB YANG DIPERTUAN AGONG XIV TAHUN 2014 ISTIADAT MENGHADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN 3. DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT PERSEKUTUAN 2014 4. MAJLIS JAMUAN TEH DIRAJA SEMPENA ULANGTAHUN KEPUTERAAN RASMI SPB YANG DIPERTUAN AGONG XIV TAHUN 2014 5. MAJLIS KEBERANGKATAN SPB RAJA PERMAISURI AGONG KE RUMAH KEBAJIKAN SEMPENA ULANGTAHUN KEPUTERAAN RASMI SPB YANG DIPERTUAN AGONG XIV TAHUN 2014 6. ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI SPB YANG DIPERTUAN AGONG KE XIV SEMPENA ULANGTAHUN KEPUTERAAN RASMI SPB YANG DIPERTUAN AGONG XIV TAHUN 2014 (asal dokumentari ditukar ke treler sebab durasinya 2 minit) – tayangan di Istiadat Mengarak Panji-Pangi di Sg Besi pada 14 Jun 2014.
	<p>D. PILIHANRAYA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PILIHAN RAYA KECIL DUN KAJANG 2. PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN TELUK INTAN(P.076) 3. PILIHAN RAYA KECIL DUN PENGKALAN KUBOR (N.01)
	<p>E. PERSIDANGAN MESYUARAT</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. SEMINAR ANTARABANGSA AUTISME 2014 (ISAM 2014)
	<p>F. PERAYAAN/SAMBUTAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. SAMBUTAN HARI POLIS KE-207 2. SAMBUTAN HARI PEKERJA PENJAWAT AWAM TAHUN 2014 3. FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PUTRAJAYA (FLORIA PUTRAJAYA) 2014 4. FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PUTRAJAYA (FLORIA PUTRAJAYA) 2014 (Versi Pendek) 5. HARI PAHLAWAN 2014 – ISTIADAT SAMBUTAN HARI PAHLAWAN 2014 6. KUIH RAYA (Hi End) 7. PROGRAM KARNIVAL 1 PESARA TAHUN 2014
	<p>G. AKTIVITI FINAS</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PROGRAM KARNIVAL WAYANG PACAK 1 MALAYSIA (KWP1M) 2014 2. FESTIVAL FILEM MALAYSIA 26 2014 – COUNT DOWN PRA PELANCARAN 3. MONTAJ PELANCARAN MYCC4DWORLD (PERSEMBAHAN MULTIMEDIA) 4. FFM 26 2014 – Count Down FFM 26 5. FESTIVAL FILEM MALAYSIA 26 2014 – MONTAJ UCAPAN MENTERI

BIL.	KATEGORI / TAJUK
	H. AKTIVITI KEMENTERIAN
1.	MONTAJ KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)
2.	PROMO MEMAKLUMKAN HARI INOVASI 2014
	I. AGAMA
1.	MAULIDUR RASUL 1435H
2.	TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2014
3.	TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA 2014
4.	PROGRAM WAKAF AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2014/1435H
5.	SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H/2014M
	J. SENI & BUDAYA
1.	PANTUN BAHASA – MARTABAT BANGSA
	K. PELBAGAI
1.	DOA UNTUK MH370
2.	NASI LEMAK
3.	DALAM BERDOA KITA BERSATU (MH370)
4.	GIANT PANDA
5.	PROMO DOKUMENTARI KHAS MH370 – MASIH MENCARI
6.	KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA
7.	DOA & TAKZIAH UNTUK MH17
8.	GUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN DENGAN BETUL
9.	LAGU BAHASA JIWA BANGSA
10.	KEMPEN BAHASA KEBANGSAAN
11.	MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BULAN BAHASA KEBANGSAAN
12.	KEMPEN KESEDARAN ANTI PEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTI PENYELUDUPAN MIGRAN
13.	ANTI DADAH
14.	ANTI DADAH (KESAN DADAH TERHADAP FIZIKAL)
15.	ANTI DADAH (KESAN DADAH TERHADAP EMOSI)
16.	ANTI DADAH (KESAN DADAH TERHADAP MENTAL)
17.	BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA 2015 (BR1M 2015)



**BAHAGIAN
KEJURUTERAAN**



BAHAGIAN KEJURUTERAAN

UNIT OPERASI

Unit Operasi FINAS merupakan sebuah unit yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Perkhidmatan Sewaan Kemudahan Peralatan, Pascaproduksi Video, Pascaproduksi Audio dan Studio Pengambaran kepada para penggiat industri perfileman dan juga memberi bantuan teknikal kepada mereka. Selain itu, ia juga memainkan peranan untuk merancang perolehan aset yang terkini untuk keperluan industri perfileman dan FINAS dari masa ke semasa. Unit ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Peralatan dan Studio, Pascaproduksi dan Studio Digital Mix Stage.

Objektif perkhidmatan ini adalah untuk membantu penggiat industri perfileman melalui perkhidmatan sewaan alat, studio, pascaproduksi audio dan video dengan menyediakan kemudahan yang terkini dan moden serta berteknologi tinggi agar hasil kerja yang dihasilkan oleh penglibat industri filem tempatan setaraf dan setanding dengan hasil kerja penglibat industri filem antarabangsa. Unit operasi juga menyediakan tenaga mahir dalam bidang teknikal seiring dengan perkhidmatan yang disediakan.

Khidmat Bantuan Sokongan Teknikal juga merupakan salah satu perkhidmatan unit ini. Perkhidmatan ini meliputi bantuan di peringkat bahagian di FINAS mahupun di peringkat Kementerian dan Agensi di bawahnya. Di antara perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tahun ini adalah seperti perkhidmatan untuk *sound reinforcement, multiple camera production (MCP)*, kemudahan studio, bilik mesyuarat, pawagam mini P. Ramlee, tayangan wayang pacak dan kemudahan-kemudahan lain yang melibatkan audio dan video.

Unit operasi juga kerap kali menerima kunjungan daripada para penggiat perfileman dalam dan juga luar negara, agensi-agensi kerajaan, pelajar-pelajar universiti dan sekolah dalam sesi lawatan berpandu yang diberi penerangan oleh kakitangan yang berkemahiran dalam bidang masing-masing. Selain itu ia juga menjadi tempat rujukan oleh jabatan-jabatan kerajaan kerana mempunyai kepakaran di dalam bidang teknologi audio visual.

Secara amnya, unit ini secara tidak langsung dapat membantu pengusaha-pengusaha filem tempatan dalam merancakkan lagi industri perfileman di Malaysia dengan menawarkan kadar sewaan, kemudahan dan peralatan terkini yang berpatutan dan sebagai penyokong juga kepada kejayaan setiap program yang dianjurkan oleh FINAS dan kementerian.

Di antara penggunaan sewaan studio adalah seperti program “Ceria Pop Star”, “Meletop Raya”, “Variarasa Sunquick”, “Vanavil”, “Metro Harian”, “Time Capsule Malaysia”, “Masterclass Cinematography”, Bengkel Penulisan Skrip Dokumentari dan lain-lain lagi.

Bagi kemudahan Pasca Produksi pula, di antara pelanggan yang menggunakan khidmat kemudahan adalah terdiri daripada Filem Cerea, Program Televisyen, Dokumentari, Siri Televisyen dan Bahan-Bahan Arkib untuk Proses Pendigitalan. Tajuk-tajuknya seperti Filem Animasi “Oh! La La”, “Enaknya Bersama Ramly”, “Misi & Sekawan”, Sabah Unit, “Shelldon, Sound Of Desert”, Red Sorghum, PRU, “Scarlet Heart 2”, “Woman In A Family Of Dao Ke”, “Virtuous Queen Of Han”, Perhimpunan UMNO 2014, CAPAM 2014 dan lain-lain lagi.

Di bawah Studio Digital Mix Stage pula, terdapat sewaan yang dilakukan oleh beberapa syarikat produksi seperti Filem Animasi “Oh! La La”, Trailer “Pengantin Malam”, “Awak Nak Kawin Dengan Saya?”, Trailer Filem “Nasi Tangas”, Filem “Pengapit”, Bengkel Pasca Produksi Audio, Filem “Bangunan”, Dokumentari Negeri Sarawak, Security Video, “Kawan Aku Mati Dalam Rumah Sewa”, Dokumentari, Promo Raya 2014 dan lain-lain lagi.

Unit ini juga meyokong dan membekal perkhidmatan dari segi teknikal untuk semua majlis FINAS, Kementerian dan beberapa program lain yang secara tidak langsung melibatkan penglibatan FINAS. Festival Filem Malaysia ke-26 adalah di antara penglibatan teknikal secara menyeluruh, Festival Filem Video pelajar, pelancaran program Content Malaysia 2014, Konvensyen Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK), Ceramah Ustaz Kazim Elias, Bengkel Multiple Camera Production, Feature Film, Filem “Superstone”, Wayang Pacak, Sesi Pemukiman MyCC4dworld, TM Video Klip, Karnival Komuniti 1Malaysia, Kursus KSN & KSU, TVC Petronas, Sepetang Mekar

Pesona, Kasih Dikenang, *Practice Making Movie*, Program-program latihan, *Practice Making Movie*, Promo Raya 2014, Wajib Tayang dan lain-lain lagi.


Secara keseluruhan, jumlah penggunaan fasiliti dan perkhidmatan teknikal di bawah Unit Operasi boleh dilihat seperti di Jadual 1 dan Carta 1. Ringkasan bagi kerja-kerja yang telah dijalankan mengikut pecahan kemudahan adalah seperti berikut :

Jadual 1

BIL	KEMUDAHAN	JUMLAH PENGGUNAAN (KUANTITI)
1	Pasca Produksi (Peralatan Suntingan, Scanner, Film Cleaning, Color Grading dan transfer)	72
2	Studio (Studio Sound Stage, Studio Ho Ah Loke dan Studio L. Krishnan)	48
3	Studio Digital Mix Stage (Foley, ADR, ASA dan Mix Stage)	36
4	Peralatan Produksi (Kamera, Sistem Pencahayaan dan Lain-Lain Lagi)	72
5	Lain-Lain (Pawagam Mini P.Ramlee, Dataran Karyawan, Concourse Mix Stage, Persekutuan FINAS dan Penggunaan Peralatan Audio Visual Untuk Aktiviti di Luar FINAS)	50
JUMLAH		278

Carta 1

STATISTIK PENGGUNAAN FASILITI DI UNIT OPERASI BAGI TAHUN 2014



Lawatan Akademik Pelajar Jurusan Ijazah Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Puncak Perdana



Lawatan Akademik Pelajar Jurusan Ijazah Sains Komputer Multimedia,
Universiti Putra Malaysia (UPM)





Lawatan Kunjungan Hormat dari Taipe Economic and Cultural Office
Malaysia ke FINAS



Lawatan dari Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor




Pelancaran portal Mycc4dWorld ketika program Content Malaysia



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)





BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL



BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL

Bahagian Teknologi Audio Visual telah menerima sejumlah peruntukan yang digunakan bagi tujuan penyediaan kemudahan peralatan profileman, perkakasan *editing* dan peralatan-peralatan terkini serta penyediaan bahan pita rakaman bagi tujuan liputan, alihan bahan dan arkib untuk memastikan FINAS akan sentiasa berada dihadapan untuk menerajui industri profileman tanahair.

Objektif Bahagian Teknologi Audio Visual adalah sejajar dengan peranan FINAS iaitu menyokong dan membantu dalam menggalakkan, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan profileman Malaysia melalui teknologi terkini.

Fungsi bahagian ini adalah menyediakan perkhidmatan dalam pelaksanaan tugas menyenggara kemudahan fasiliti mekanikal dan elektrikal serta senggara infrastruktur bangunan dan juga senggara teknologi makmal, seliaan alat profileman, sewaan studio, panggung dan bilik mesyuarat serta tugas pascaproduksi. Peranan alihan bahan rakaman juga dipertanggungjawabkan ke atas bahagian ini bagi sebarang format alihan seperti salinan untuk DVD, CD, Betacam, dan sebagainya.

Bahagian ini juga berperanan untuk kerja-kerja pengoperasian peralatan profileman untuk sewaan perkhidmatan produksi dan sewaan dalaman. Khidmat bantuan teknikal audiovisual dan sistem siaraya juga disediakan untuk jabatan, kementerian serta agensi-agensi kerajaan. Bagi sebarang sewaan peralatan profileman, bahagian ini akan bertanggungjawab menyedia dan mengiringi peralatan profileman berkenaan untuk memastikan peralatan berkenaan dikendalikan dengan baik.

Sejumlah RM3.33 juta diperuntukkan dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan terbaik untuk menyokong operasi FINAS serta pengiat industri tanahair. Bagi tempoh kewangan Januari hingga Disember 2014 sejumlah RM 2,525,000.00 juta telah diperuntukkan untuk mempermudahkan operasi FINAS yang menggunakan kemudahan dan peralatan profileman berteknologi terkini. Sejumlah RM 745,000.00 pula diperuntukkan bagi penyediaan bahan pita rakaman dan medium penyimpanan data untuk tujuan liputan arkib serta gedung filem. Bahan juga digunakan untuk edaran ke stesen televisyen dan kemudahan rakaman liputan arkib. Manakala sejumlah RM 30,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menyediakan kursus serta latihan bagi mengimbangi peranan pengendali dalam mengendalikan peralatan profileman terkini. Bahagian Kejuruteraan FINAS Petaling Jaya juga adalah bertanggungjawab dalam pelaksanaan cadangan pembangunan ibu pejabat baru FINAS di Damansara Damai, Sungai Buloh. Sejumlah RM 19,045.00 digunakan bagi tujuan senggara infrastruktur bangunan dan sejumlah RM 87,355.00 telah digunakan bagi membayai kerja-kerja senggara mekanikal dan elektrikal.

Melalui kemudahan-kemudahan yang di sediakan oleh FINAS, Bahagian ini adalah bertanggungjawab dalam memastikan FINAS menyediakan kemudahan-kemudahan terkini agar industri profileman tanahair sentiasa berada dilandaskan yang betul dalam perancangan memacu industri tanahair ke peringkat antarabangsa. Keadaan ini adalah sejajar dengan fungsi dan peranan FINAS dalam membantu menyediakan kemudahan bagi pengiat industri tanahair.

TEKNOLOGI MAKMAL



Proses Filem

Mesin Printing

PASCAPRODUKSI



Kemudahan Alihan Bahan Rakaman

Kemudahan Cetakan DVD

SELIAAN ALAT



Operasi Pinjaman Peralatan



Menyediakan Kemudahan Menyelia

STUDIO SOUND STAGE/PANGGUNG/BILIK MESYUARAT



Sewaan Studio Pentas Bunyi

CADANGAN PEMBANGUNAN IBU PEJABAT BARU FINAS DI DAMANSARA DAMAI, SUNGAI BULOH, SELANGOR



Contoh lakaran dan rekabentuk bangunan

BAHAGIAN MAKMAL



BAHAGIAN MAKMAL

Pada tahun 2014 Bahagian Makmal telah melakukan penjajahan semula funggsinya dari sebuah makmal pemprosesan filem kepada makmal pemeliharaan filem. Transformasi ini dilakukan kerana permintaan terhadap perkhidmatan tradisional makmal memproses filem telah berhenti apabila industri filem bertukar kepada penerbitan digital sepenuhnya.

Transformasi kepada makmal pemeliharaan ini dilakukan setelah mengambil kira kemahiran dan pengalaman anggota bahagian dalam pengendalian filem negatif asal. Dengan transformasi ini, fungsi Bahagian Makmal ditumpu sepenuhnya kepada pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi media yang terdapat di gedung filem di FINAS Petaling Jaya.

Transformasi ini melibatkan penstrukturkan semula unit-unit dalam bahagian untuk mencerminkan fungsi barunya. Anggota diberi penempatan semula di unit-unit baru mengikut kepakaran dan pengalaman masing-masing. Transformasi ini diperkuuhkan dengan kursus dalaman dan latihan meningkatkan kemahiran. Dua kursus “*The Art Of Film Preservation*” dan “*Preserving Today For Tomorrow: Basic Film Preservation*” telah diadakan untuk meningkatkan pengetahuan anggota dalam kerja pemeliharaan dan pemuliharaan filem.


- **Unit Pengurusan Vault Audio Visual (PVAV)**

Sejajar dengan penstrukturkan semula Bahagian Makmal pada suku pertama tahun 2014, pemeliharaan dan pemuliharaan menjadi korbisnes bagi Unit PAVAV. Bertanggungjawab terhadap lebih 50 000 can filem yang terdapat di PAVAV FINAS Petaling Jaya, menjadikan unit ini lebih prihatin dengan kondisi filem khususnya.

Tugasan penggantian bahan pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan bertujuan melindungi keadaan fizikal filem. Label yang mengandungi meta data filem perlu jelas dan berada dalam keadaan baik mengikut jenis bahan filem. Manakala penggantian *molecular sieve* dan *silica gel* dilakukan bagi menyerap kelembapan dan bau yang terhasil dari bahan kimia negatif. Satu system *data base* telah diwujudkan bagi membantu pengurusan transaksi pengeluaran dan pendepositan bahan Audio Visual. Sistem ini merupakan enjin carian bagi mengesan bahan dengan lebih efisyen.

Menjadi KPI Unit PVAV bagi memantau suhu dan RH di PVAV secara berjadual dan terkawal. Disamping itu, Ujian *AD Strip* (*Acetic Decay Strip*) turut dilakukan bertujuan pemantauan tahap keasidan bahan filem. Pendokumentasian setiap bahan akan dilakukan seiring dengan semakan bahan bagi mengesan perubahan asal filem. Setelah dikenalpasti, bahan yang bermasalah akan dihantar ke Unit Semakan Dan Baikpulih untuk saringan.






Proses pemuliharaan dan pemeliharaan filem



Pemantauan suhu dan RH




Penggantian moleculer sieve dan silica gel



Metadata filem

• Unit Semakan dan Baikpulih


Unit ini berperanan untuk memastikan filem yang diterima daripada simpanan vault dan pusat sumber disemak serta dibuat saringan. Pemeriksaan dilakukan untuk mengesan dan mengenalpasti kerosakan fizikal dan kemerosotan (*deterioration*) bahan. Peniaian ke atas penemuan semakan dilakukan untuk menentukan rawatan dan kaedah pemuliharaan yang terbaik dilakukan. Filem yang bermasalah akan diberikan rawatan pemuliharaan semula samada dalam bentuk fizikal filem atau melalui kaedah rawatan kimia yang telah ditetapkan. Unit ini juga melakukan pemeriksaan sebelum dan selepas alihan filem ke format digital.



Rawatan kimia untuk melembutkan filem *blocked* dan keras




Filem dalam keadaan bermasalah



Semak filem

Proses
semakan dan
pemeriksaan
filem



Proses
sambung
semula
scene yang
terbuka
sambungan



Menyambung filem yang koyak




• Unit Restorasi

Unit Restorasi berperanan memulihara dan mendokumentasikan bahan audio visual kepada format digital. Bahan arkib yang diterima perlu melalui proses pencucian supaya bahan tersebut bebas dari sebarang kekotoran. Setelah itu bahan tersebut akan diimbas kepada format digital. Setiap bahan yang diimbas akan dibuat larasan *density* serta melalui proses *auto dirt* secara digital. Pelarasan warna (*colour grading*) terhadap bahan tersebut harus dibuat bagi memastikan warna mengikut *standard* yang dikehendaki.

Fungsi pengarkiran digital adalah supaya bahan-bahan tersebut mudah dicapai secara digital untuk pihak yang berminat samada dalam bentuk fizikal atau dimuatnaik ke pelayan simpanan di dalam dan di luar kawasan operasi.



Pencucian
ultrasonic supaya
bahan bebas dari
kotoran



Proses pelarasan
warna

BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI



BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI

UNIT TEMPATAN

• Penerbitan Dokumentari dengan Kerjasama Penerbit Tempatan

Perkembangan filem dokumentari tempatan dapat dilihat dengan penerbitan filem dokumentari oleh penerbit-penerbit dokumentari di Malaysia melalui program yang diusahakan oleh FINAS ini. Program ini telah membuktikan keupayaan dalam melahirkan penggiat dokumentari dan karyawan yang berkualiti serta dokumentari yang bermutu setaraf dengan penerbitan dokumentari antarabangsa. Sehingga kini, pelbagai judul dokumentari berkualiti telah berjaya diterbitkan melalui penerbitan dokumentari dengan kerjasama penerbit tempatan. Pada 2014 sebanyak 12 dokumentari telah diterbitkan di bawah program ini seperti berikut:-

BIL.	TAJUK	DURASI	BAHASA
1.	MH 370 – Masih Mencari	60 minit	Inggeris & Melayu
2.	Tan Sri Jins Shamsudin	60 minit	Inggeris & Melayu
3.	Sejarah Dokumentari Malaysia	60 minit	Inggeris & Melayu
4.	Tragedi Sulu	60 minit	Inggeris & Melayu
5.	Terukir Di Langit	30 minit	Inggeris & Melayu
6.	Legasi Ukiran Tengkorak	60 minit	Inggeris & Melayu
7.	Batu Bersurat Terengganu	30 minit	Inggeris & Melayu
8.	Solat Sains	60 minit	Inggeris & Melayu
9.	Tamangsari: Semangat Besi	60 minit	Inggeris & Melayu
10.	My Story: A Journey Of Raja Munirah	60 minit	Inggeris & Melayu
11.	Sekolah Beruk – Tok Wan Leman	30 minit	Inggeris & Melayu
12.	Dikir Laba	30 minit	Inggeris & Melayu

• Penerbitan Promo

Bahagian Pengurusan Produksi juga telah menerbitkan pelbagai promo untuk menyokong dan membantu dalam menyebarluaskan dasar-dasar dan kempen-kempen pihak Kerajaan. Pada 2014 terdapat 6 promo berkualiti tinggi yang telah berjaya diterbitkan oleh FINAS dengan kerjasama penerbit tempatan seperti berikut:

BIL.	TAJUK	DURASI	BAHASA
1.	Diabetes	60 saat	Melayu
2.	Klip Video Lagu Negaraku	1 minit 18 saat	Melayu
3.	Sajak Merdeka	90 saat	Melayu
4.	Klip Video Lagu Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta	2 minit 55 saat	Melayu
5.	Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta	60 saat	Melayu
6.	Nadi Pertiwi	90 saat	Melayu

• Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan

Program Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan bertujuan untuk mengekalkan warisan sejarah negara dalam bentuk visual untuk tatapan masyarakat. Filem kenegaraan merupakan sebuah filem yang membawa jalan cerita yang dapat memperkenalkan budaya, kesenian dan warisan masyarakat Malaysia. Filem kenegaraan ini bukan saja boleh berunsur sejarah dan perjuangan bangsa tetapi juga boleh membawa mesej kekeluargaan, patriotisme dan perpaduan, melahirkan masyarakat berilmu, harmonis dan penyayang. Pada 2014, dua (2) buah judul filem telah diberi bantuan promosi melalui dana ini iaitu filem “Victory” terbitan Rivala Production Sdn Bhd dan “Tun Sambanthan” terbitan Fenomena Seni Produksi Sdn Bhd.

UNIT ANTARABANGSA

• Penerbitan Dokumentari dengan Kerjasama Penyiar/Syarikat Produksi Antarabangsa

Kerjasama penerbitan dokumentari dengan badan penyiar atau syarikat produksi antarabangsa telah bermula pada tahun 2007. Tujuan kerjasama ini adalah mendedahkan dan meningkatkan lagi mutu penerbitan dokumentari tempatan disamping kandungan dan cerita Malaysia dapat disaksikan di seluruh dunia. Pada tahun 2014, sebanyak 11 tajuk dokumentari dengan kerjasama penyiar/syarikat produksi antarabangsa telah di buat. Berikut senarai dokumentari tersebut:

BIL.	TAJUK	DURASI	BAHASA
Kerjasama dengan Discovery Networks Asia-Pacific			
1.	Malaysia Net	30 minit	Inggeris & Melayu
2.	Malaysia's Best Teacher	30 minit	Inggeris & Melayu
3.	Swiftlets	30 minit	Inggeris & Melayu
4.	Crocodile Lash	30 minit	Inggeris & Melayu
5.	Secret Mangrove	30 minit	Inggeris & Melayu
Kerjasama dengan FIJI			
6.	Back To Batu Pahat	60 minit	Inggeris
Kerjasama dengan Jepun			
7.	Glory From The South	60 minit	Inggeris & Melayu
8.	Rhythms of Change	60 minit	Inggeris & Melayu
9.	The Untold Story	60 minit	Inggeris & Melayu
Kerjasama dengan History Channel			
10.	Timecapsule Malaysia	6 episod x 30 minit	Inggeris
Kerjasama dengan AETN			
11.	The Last Stand	60 minit	Inggeris

• Penyertaan ke Program Dokumentari Antarabangsa

Pada tahun 2014, KPI Bahagian Pengurusan Produksi dalam menyertai Program Dokumentari peringkat antarabangsa adalah sebanyak 6 kali. Walau bagaimanapun disebabkan terdapat kekangan dari segi kelulusan di peringkat Kementerian, Bahagian Pengurusan Produksi hanya dapat menghadiri 4 program dokumentari sahaja.

Tujuan penyertaan ini adalah membawa dokumentari terbitan FINAS lebih dikenali dan diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa disamping mencari peluang jaringan untuk berkerjasama (co-production) dengan badan penyiar antarabangsa. Berikut senarai program yang disertai:

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH/TEMPAT
1.	ASEAN Festival of Photos, Reportage-Documentary Film 2013	17 – 21 Februari 2014 Hanoi, Vietnam
2.	Asian Side of the Doc (ASD)	18-21 Mac 2014 Chengdu, China
3.	The Archeology Channel and Film Festival	9 – 11 Mei 2014 The Shedd Institute Eugene, Oregon
4.	Guangzhou International Documentary Film Festival	11-14 Nov 2014 Guangzhou, China

• Pencapaian Dokumentari Finas

Bahagian Pengurusan Produksi dalam masa yang sama telah menghantar beberapa dokumentari di Festival/ Anugerah Dokumentari di peringkat antarabangsa. Berikut merupakan pencapaian dokumentari FINAS bagi tahun 2014:

BIL	NAMA PROGRAM	PENCAPAIAN/ ANUGERAH	TAJUK DOKUMENTARI
1.	The Archeology Channel: International Film & Video Festival, Eugene, Oregon, USA (9-11 Mei 2014)	Finalist Best Documentary Series Finalist	Royal Press : Printing Relic Perahu With Silent Soul
2.	Festival of Photos and Film ASEAN, Hanoit, Vietnam (20 Februari 2014)	Tempat pertama	Jungle Beat
		Tempat ke-2	The Borneon Elephant Conservation
		Final Round	Among The Great Apes With Michelle Yeoh
3.	International Archeology Film Festival (Oktober 2014)	Finalist	Unburying The Past

• Urusetia Jawatankuasa Teknikal Industri Kreatif (Multimedia)

Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (2011 – 2015), Kerajaan menerusi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KKPK) telah memperkenalkan Geran Industri Kreatif. Geran ini bertujuan merancakkan pembangunan industri kreatif tempatan supaya mampu bersaing dan lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

Geran ini meliputi tiga (3) kategori iaitu (1) Indutsri Kreatif Multimedia, (2) Industri Kreatif Seni Budaya dan (3) Industri Kreatif Warisan Budaya. FINAS menerusi Bahagian Pengurusan Produksi telah diarahkan untuk menjadi urusetia Jawatankuasa Teknikal Industri Kreatif Multimedia yang mana ianya meliputi urusan penilaian proposal dan pemantauan projek yang merangkumi penerbitan filem, TV, Pengiklanan, Seni Reka termasuk Games dan Virtual World, Animasi dan Kandungan Digital, Penerbitan Rencana dan Penerbitan eBook.

Di bawah jawatankuasa ini sebanyak 32 projek telah diluluskan dan sedang dipantau dari semasa ke semasa oleh Bahagian Pengurusan Produksi. Berikut merupakan ringkasan projek yang sedang dipantau:

KATEGORI PROJEK	BIL. PROJEK
Filem Cereka	9
Dokumentari	5
Animasi	9
Kandungan Digital	4
Games	1
Pembangunan Modal Insan	2
eBook	1
Telemovie	1
JUMLAH KESELURUHAN	32

BAHAGIAN GALAKAN PENGGAMBARAN



BAHAGIAN GALAKAN PENGGAMBARAN

Bahagian Galakan Penggambaran terdiri daripada dua unit iaitu Unit *Film In Malaysia Office* (FIMO) dan Unit Kerjasama Strategik.

• Unit Film In Malaysia Office (FIMO)

Unit ini bertanggungjawab untuk mempromosikan Insentif Penerbitan Di Malaysia (FIMI) sebagai satu tarikan bagi menjadikan Malaysia sebuah lokasi penggambaran filem yang terkenal diperingkat serantau dan antarabangsa. Unit ini akan menyertai pasaran filem atau seminar-seminar untuk merealisasikan fungsi utama tersebut. Selain itu, tugas utama unit ini ialah memproses semua permohonan dari syarikat domestik dan antarabangsa yang memohon insentif tersebut dan mengawal selia keseluruhan proses permohonan sehingga pembayaran insentif.

• Unit Kerjasama Strategik

Unit kerjasama strategik merupakan satu unit yang tertumpu kepada usahasama diantara pihak industri dan Kerajaan negeri serta usahasama diantara pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan luar negara. Disamping itu juga, unit Kerjasama Strategik menyediakan jaringan perniagaan perfileman antara domestik dan antarabangsa. Sepanjang penubuhan unit ini, beberapa usahasama berada di bawah kelolaan unit ini. Antaranya:-

- i. Malaysia – Australia On Audiovisual Co-production Agreement – **Semakan draf akhir**
- ii. Malaysia – Singapura (MDA) *Film Co-production Agreement* – **Dalam peringkat ulasan dan pandangan daripada Penasihat Undang-undang**

Kedua-dua perjanjian ini dijangka akan dimeterai pada tahun 2015.

• 30% Insentif Penerbitan Di Malaysia (Film In Malaysia Incentive - FIMI)

Pada 16 Mac 2013 , YB Menteri KPKK telah mengumumkan 30% Insentif Penerbitan (*Film In Malaysia Incentive* – FIMI) sebagai usaha kerajaan melalui FINAS untuk memacu penghasilan filem tempatan yang berkualiti. Selain itu, insentif ini juga bertujuan untuk menambahkan bilangan usahasama perfileman di antara Malaysia dan negara-negara luar yang lain.

Objektif Insentif ini adalah untuk:

- Mendorong serta menggalak penerbit filem tempatan untuk mengeluarkan filem-filem tempatan yang bermutu tinggi serta dapat menembusi pasaran filem antarabangsa.
- Menarik pengeluar filem asing untuk menjalankan aktiviti perfileman di Malaysia dan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran antarabangsa.
- Menambahkan peluang pekerjaan untuk para artis dan krew tempatan yang menyediakan barang dan perkhidmatan di dalam industri kandungan kreatif.
- Menambahkan peluang perniagaan bagi syarikat syarikat produksi filem, pusat paska-produksi, syarikat sewaan alat perfileman, studio-studio yang menyediakan barang dan perkhidmatan di dalam industri kandungan kreatif.
- Memacu ekosistem dan meningkatkan sumbangan ekonomi industri kandungan kreatif dan industri yang berkaitan.
- Membangunkan reputasi Malaysia sebagai hub kandungan kreatif yang cekap dan kos efektif.

Kadar 30% Insentif Penerbitan Filem di Malaysia adalah berdasarkan **QMPE (Qualifying Malaysia Production Expenditure)**. ia terbahagi kepada dua kategori iaitu untuk penerbitan filem tempatan dan filem asing. Perincian butiran adalah seperti berikut:

PENERBITAN FILEM TEMPATAN (Min. QMPE)	PENERBITAN FILEM ASING (Min. QMPE)
RM 2.5 juta Bagi aktiviti produksi dan pacsa produksi	RM 5.0 juta Bagi aktiviti produksi dan pacsa produksi
RM 500,000 bagi aktiviti pasca produksi sahaja	RM 1.5 juta bagi aktiviti pasca produksi sahaja
RM 193,000 Siri televisyen bagi setiap jam	RM 385,000 Siri televisyen bagi setiap jam

Insentif ini diwujudkan bagi membantu perkembangan dan kemajuan industri kandungan tempatan disamping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik untuk penggambaran filem. Insentif yang berupa rebat sebanyak 30% diberikan kepada syarikat produksi dan pos-produksi tempatan atau luar negara berdasarkan kepada perbelanjaan produksi sepanjang penggambaran di Malaysia sahaja.

Insentif ini hanya tertakluk kepada penerbitan filem cereka, telemovie, drama atau siri televisyen, animasi, dokumentari, iklan, *reality show* dan *game show*.

• Mesyuarat Jawatankuasa Insentif Penerbitan di Malaysia (FIMI)

Sepanjang tahun 2014, mesyuarat Jawatankuasa Insentif Penerbitan Di Malaysia telah diadakan sebanyak 6 kali seperti perincian berikut:-

BIL	NAMA MESYUARAT	TARIKH	LOKASI
1.	Mesyuarat Jawatankuasa FIMI Bil. 1/2014	18 Februari 2014	FINAS
2.	Mesyuarat Jawatankuasa FIMI Bil. 2/2014	20 Mac 2014	FINAS
3.	Mesyuarat Jawatankuasa FIMI Bil. 3/2014	17 April 2014	FINAS
4.	Mesyuarat Jawatankuasa FIMI Bil. 4/2014	30 Mei 2014	FINAS
5	Mesyuarat Jawatankuasa FIMI Bil. 5/2014	3 Julai 2014	FINAS
6	Mesyuarat Jawatankuasa FIMI Bil. 6/2014	21 Julai 2014	Hotel Double Tree, KL

• Pameran/Seminar

Bahagian Galakan Penggambaran juga menyertai beberapa aktiviti promosi pasaran filem dengan kerjasama agensi lain seperti Kementerian Pelancongan Malaysia, MATRADE dan Pinewood Iskandar Malaysia Studios. Penyertaan di pameran dan seminar ini merupakan usaha FINAS bagi menarik lebih ramai produser antarabangsa untuk melakukan penggambaran di Malaysia yang mempunyai kepelbagaiannya lokasi yang menarik. Selain itu, tujuan penyertaan ini juga adalah seiring dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat destinasi penggambaran melalui Insentif Penerbitan yang ditawarkan. Pada masa yang sama, penyertaan ini juga dapat mempromosikan kemudahan perfileman yang ditawarkan di Malaysia dan seterusnya dijangka akan dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat. Selain itu, penyertaan ini juga dapat mewujudkan jalinan rangkaian persahabatan dengan badan-badan perfileman di rantau Asia dan antarabangsa.

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Galakan Penggambaran telah terlibat dalam 12 program pameran, seminar dan sesi taklimat bagi mempromosikan Insentif Penerbitan Di Malaysia. Aktiviti – aktiviti yang terlibat adalah seperti jadual di bawah:-

BIL.	PAMERAN/SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>FIMI presentation to YBhg. Dato' KSU KKMM</i>	21 Januari 2014	Putrajaya
2.	<i>FIMI promotion at “A Dialogue With The Malaysian Creative Community”.</i>	23 Januari 2014	Hotel Istana, Kuala Lumpur
3.	<i>FIMI presentation to Indonesian Trans TV & Tobali Productions (Indonesia)</i>	27 Februari 2014	FINAS
4.	<i>FIMI presentation to Creative Industry Dialogue: Market Access Plans & Funding organized by MDec</i>	27 Februari 2014	Hotel Hilton, Kuala Lumpur
5.	<i>FIMI promotion at DISCOP Istanbul</i>	4 – 6 Mac 2014	Istanbul, Turki
6.	<i>FIMI presentation to LHDN & PUSPAL</i>	13 Mac 2014	FINAS
7.	<i>FIMI promotion at AFCI Locations Show 2014</i>	27 – 29 Mac 2014	Los Angeles
8.	<i>FIMI presentation to “Workshop on Film Industry” by Johor Film – Group 2: Filming Location Component</i>	24 April 2014	Johor Bharu
9.	<i>FIMI promotion at International Film Expo 2014</i>	27 – 29 Jun 2014	Manila, Filipina
10.	Mini lab memperkemaskan garis panduan pemberian 30% Penerbitan Filem Di Malaysia	19 – 21 Ogos 2014	Majestic Hotel, Kuala Lumpur
11.	<i>FIMI promotion at Content Malaysia 2014</i>	17 – 18 September 2014	Mandarin Oriental, Kuala Lumpur
12.	<i>Tour to Pinewood Iskandar Malaysia Studios, Johor in conjunction of Content Malaysia</i>	19 September 2014	Johor
13.	<i>FIMI promotion at Busan International Film Festival (Asian Film Market)</i>	3 – 9 Oktober 2014	Busan, Korea

- **Lawatan Syarikat Produksi Luar Negara ke FINAS yang Dikendalikan oleh Bahagian Galakan Penggambaran**

Pada tahun 2014, Bahagian Galakan Penggambaran telah menjadi urusetia kepada satu lawatan badan/agensi perfileman dari luar negara yang datang bagi mengadakan lawatan ke FINAS khususnya untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Insentif Penerbitan Di Malaysia dan kemudahan produksi yang terdapat di FINAS. Lawatan rasmi daripada Indonesian Trans TV & Tobali Productions (Indonesia) telah berlangsung pada 27 Februari 2014 di FINAS.

Delegasi diberikan penerangan berkenaan FINAS serta dibawa melawat ke Studio Digital Mixstage, Studio Sound Stage dan Finaspost untuk melihat kemudahan – kemudahan produksi yang ditawarkan. Para delegasi telah disambut oleh Ketua Pegarah FINAS dan Pegawai-pegawai kanan FINAS.

• Laporan Projek Produksi di bawah FIMI

Bahagian Galakan Penggambaran juga bertanggungjawab bagi penyediaan laporan mingguan kepada pihak PEMANDU-NKEA berkaitan segala aktiviti dan kelulusan *Provisional Certificate* bagi syarikat produksi tempatan dan asing.

Bagi tahun 2014 sebanyak 11 syarikat tempatan dan asing telah mendapat kelulusan *Provisional Certificate*. Anggaran keseluruhan kos produksi bagi penggambaran di Malaysia (QMPE) tahun 2014 ialah sebanyak RM 335,032,582.03. Kos produksi penggambaran di Malaysia ini telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2013 iaitu hanya sebanyak RM 144,106,342.00 sahaja. Maklumat terperinci adalah seperti jadual berikut:-

Laporan Syarikat yang Telah Mendapat Kelulusan Provisional Certificate

BIL	PERMOHONAN	TAJUK FILEM / SYARIKAT	ANGGARAN PERBELANJAAN DI MALAYSIA
1.	Syarikat tempatan	1. KRU International Sdn Bhd – Teksi KL 2. Three Production Sdn Bhd – The Kid From The Big Apple	1. RM 6,495,250.00 2. RM 2,501,310.00
	Jumlah anggaran perbelanjaan		RM 8,996,560.00
Selain itu, FINAS turut memiliki laman sesawang lain seperti <http://www.filminmalaysia.com> yang mengandungi maklumat berkaitan insentif filminmalaysia. Laman sesawang <http://www.mycc4dworld.com> pula menyediakan kemudahan kandungan media digital yang boleh dibeli secara dalam talian. laman sesawang ini telah dirasmikan oleh YB Menteri pada 16 Oktober 2014.

• Laman Sistem Aplikasi FINAS

1. Sistem Pelesenan : merupakan sebuah sistem aplikasi dalam talian yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) untuk kemudahan orang ramai berurusan mengenai permohonan baru, pembaharuan, pembayaran, pertanyaan, semakan lesen dan sijil seperti Pengeluaran Filem (PF), Pengeluaran Video (PV), Pengedaran Filem (DF), Pengedaran Video (DV), Pameran Filem (EF), Pameran Video (EV), Surat Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM), Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP), Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) Bayaran Filem
2. Sistem wajib tayang : Merekod jumlah kutipan filem tempatan di panggung seluruh malaysia
3. Sistem pengurusan aduan : memudahkan orang awam membuat maklumbalas atau pertanyaan berkaitan dengan perkhidmatan FINAS.
4. Sistem eSewaan : Merekod urusan sewaan perkhidmatan studio dan kemudahan perfileman di FINAS.

• Sistem Aplikasi FINAS

1. Sistem Kewangan SAGA
2. Sistem pengurusan aset
3. Sistem perolehan
4. HRMIS -MAMPU
5. Myresult -MAMPU
6. SPP II - Sistem yang membantu Agensi Pusat, Kementerian serta agensi dibawahnya untuk memantau projek-projek pembangunan (Memerlukan Digital Signature).
7. 1Gov*Net Service Assurance Management System (SAMS 2.0)

Laman Web ini bertujuan untuk, menyediakan pautan pantas serta menyebarkan segala maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti FINAS, laporan & berita semasa dan sebagainya. Pelbagai usaha telah FINAS laksanakan ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada pelanggan ke arah menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan telus.

Dalam memenuhi piawaian dan kriteria MAMPU dan KKMM, beberapa penambahbaikan pada rekabentuk serta kandungan Laman Web FINAS sentiasa dilaksanakan. Pengunjung laman web bukan sahaja daripada dalam negara malah melibatkan pengunjung daripada luar negara.

• Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem

Satu Sistem Semakan Panggilan Temuduga dibangunkan dengan kerjasama pembangun sistem yang dilantik. Sistem Semakan Panggilan Temuduga merupakan sebuah sistem dalam talian bagi memudahkan pemohon


perjawatan yang diiklankan oleh FINAS menyemak maklumat berkaitan panggilan temuduga. Pengguna hanya perlukan memasukan no kad pengenalan bagi tujuan semakan maklumat.

• Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Bantuan Teknikal

Sepanjang tahun 2014, Unit Teknologi Maklumat telah menjalankan pemantauan keselamatan ICT yang merangkumi penggunaan rangkaian dan pengoptimuman penggunaan rangkaian FINAS dengan cekap dan berkesan. Melalui pemantauan ini didapati tiada sebarang insiden keselamatan IT yang serius. Penyenggaraan kemudahan ICT (perkakasan dan perisian) telah dilaksanakan pada bulan Mei 2014 bagi memastikan prestasi komputer, peralatan dan rangkaian berada dalam keadaan baik dan optimum.


Pada September 2014, Unit Teknologi Maklumat telah membuat pembelian perkakasan ICT iaitu 90 buah komputer peribadi dan 26 pencetak laser monochrome untuk kegunaan penjawat baru.

• Khidmat Bantuan Teknikal Diselesaikan Sehingga Disember 2014



KHIDMAT BANTUAN TEKNIKAL	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OOGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Komputer	20	43	71	59	32	42	25	12	6	17	24	10	361
Komputer Riba	5	7	0	2	1	4	19	2	5	11	7	3	66
Server	4	0	0	6	0	1	0	0	2	0	0	1	14
Perisian	12	25	19	6	8	4	1	1	2	4	8	14	104
Sistem Aplikasi	2	0	8	7	4	1	12	10	11	24	2	2	83
Rangkaian	34	0	25	15	24	7	2	5	10	23	17	26	157
Virus	0	0	1	2	4	20	2	7	6	15	11	3	71
Mesin Pencetak	6	4	14	4	7	22	15	5	8	12	10	9	116
JUMLAH													972

Secara keseluruhan jumlah aduan diterima ialah sebanyak 972. Manakala aduan diselesaikan mencapai 100% daripada aduan yang diterima. Pecahan aduan mengikut kategori adalah seperti di rajah Khidmat Bantuan Teknikal sehingga Disember 2014.



UNIT PUSAT SUMBER



UNIT PUSAT SUMBER

Pada tahun 2014, Pusat Sumber FINAS meneruskan usaha memperkayakan bahan koleksi rujukan di Pusat Sumber dengan menggunakan peruntukan belanjawan mengurus bagi menyediakan kemudahan kepada para pengguna dan penggiat industri perfilman di Malaysia selaras dengan objektif bahagian iaitu mendokumentasi, menyimpan dan menyediakan akses untuk bahan koleksi secara berkesan sebagai warisan / khazanah Negara.

Bahan-bahan audio visual dalam pelbagai format yang tersimpan di ‘film vault’ FINAS mulai tahun 1947 sehingga kini, disimpan di bawah suhu dan kelembapan terkawal yang dipantau rapi. Bagi memastikan bahan-bahan koleksi terus terpelihara, bahan audio visual yang masih dalam format analog akan dialihkan ke format digital secara berterusan disamping proses semakan bahan audio visual yang dijalankan secara berkala.

Sehingga Disember 2014, koleksi bahan audio visual adalah sebanyak 3,072 Tajuk (870 jam) produksi dokumentari / treler, 910 tajuk filem cereka dan 15,161 pita bahan audio. Koleksi Liputan Arkib mulai tahun 1973 hingga tahun 2014 pula adalah sebanyak 6,124 Liputan (1,696 jam) manakala koleksi gambar pegun yang terdapat dalam simpanan adalah sebanyak 16,962 keping.


Selain itu, terdapat 5,040 judul bahan monograf meliputi pelbagai bidang serta 19,976 naskah terbitan bersiri (majalah / jurnal) dan 430 jilid keratan akhbar yang boleh diakses secara terus dan melalui Sistem Virtual Library (V-LIB) di Portal FINAS.

Perkhidmatan rujukan koleksi audio visual merupakan salah satu aktiviti yang utama di unit ini. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 883 tajuk bahan produksi induk telah dipinjam oleh pengguna dalaman dan pengguna luar. Untuk bahan liputan arkib dan *rushes* pula, sebanyak 351 tajuk liputan telah dirujuk oleh pengguna. Manakala untuk koleksi DVD / VCD pula, sebanyak 115 tajuk filem cereka telah dipinjam oleh pengguna yang menggunakan kemudahan yang disediakan di Pusat Sumber dan juga kemudahan sendiri.

Perkhidmatan rujukan koleksi monograf / buku sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 353 judul yang melibatkan pinjaman koleksi di Pusat Sumber Ibu Pejabat dan Pusat Sumber Petaling Jaya. Jumlah rujukan untuk koleksi terbitan bersiri (majalah / jurnal) pula adalah sebanyak 154 judul judul yang telah dipinjam oleh pengguna.

Umum mengetahui pembelajaran sepanjang hayat yang paling mudah dilakukan adalah melalui rujukan dan pembacaan secara berterusan. Oleh yang demikian Pusat Sumber akan terus meningkatkan komitmen untuk memastikan proses ini juga akan subur di dalam industri kandungan kreatif di Malaysia melalui koleksi dan perkhidmatan yang disediakan.

ANTARA KOLEKSI GAMBAR PEGUN DALAM KOLEKSI FINAS





UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

• Laman Sesawang FINAS

Laman Sesawang FINAS merupakan maklumat bersifat rasmi berkaitan fungsi dan aktiviti Perbadanan. Ia mengandungi maklumat mengenai Perbadanan, Industri Profileman dan Kandungan Digital, maklumat skim Wajib Tayang, kemudahan peralatan, aktiviti terkini Perbadanan dan banyak lagi. Laman Sesawang FINAS telah mencapai 7638,199 hits pada tahun 2014.

• Lawatan Akademik ke FINAS

Sepanjang tahun 2014, FINAS telah menerima seramai 938 orang pelawat dari IPTA, IPTS, Politeknik, Sekolah-sekolah dan Agensi Kerajaan. Pelawat akan diberi taklimat berkaitan fungsi, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh FINAS dalam memajukan industri profileman serta akan dibawa melawat pusat pasca produksi FinasPost, Studio Sound Stage, Studio Digital Mix Stage, Galeri Profileman serta kemudahan-kemudahan di FINAS, Petaling Jaya.



• Pengaduan Awam

FINAS telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aduan yang dinamakan Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) iaitu pengurusan pengendalian maklum balas pelanggan adalah lebih sistematik, cekap dan efisyen. iSPAAA merupakan satu platform sistem pengurusan aduan awam yang seragam dan bersepadu di kesemua Kementerian/Agensi kerajaan dan ianya menjadi pemudahcara dalam satu teknologi yang menggabungkan amalan terbaik dalam pengurusan aduan awam berdasarkan konsep 3R (*Responding, Recording dan Reporting*) dan persekitaran 5S (Strategi, Sistem, Struktur dan Sumber Manusia). Sepanjang tahun 2014, FINAS telah menerima sebanyak 8 aduan dan kesemuanya telah selesai dijawab.

• Ziarah dan Sumbangan Kewangan Karyawan Seni

Kementerian menerusi FINAS telah menyalurkan sumbangan bantuan kepada pelakon dan karyawan seni yang memerlukan bantuan kewangan atas faktor kesihatan. Melalui Tabung Kebajikan Penggiat Seni, FINAS telah menyerahkan sumbangan dan menziarahi karyawan seni yang telah meninggal dunia dan sakit. Antara karyawan seni yang telah menerima sumbangan ialah Allahyarhamah Datuk Sharifah Aini, Allahyarham Datuk Mustapha Maarof, Allahyarham Datuk Jamil Sulong, Tan Sri SM Salim, Wafa Abd Kadir, Abbas Abu Bakar serta ramai lagi.



• Sesi Bersama Warga Industri Filem

Sesi bersama penggiat industri khususnya penggiat industri perfileman. Tujuan sesi ini diadakan adalah bertujuan berkongsi oendapat, cadangan, idea serta pengalaman untuk kebaikan dan kemajuan industri perfileman tempatan. Sesi ini dapat mengukuhkan lagi hubungan erat yang terjalin antara dua pihak iaitu penggiat seni filem dan pegawai FINAS. Hubungan dua hala ini dapat memberi input yang lebih berkesan mengenai situasi yang berlaku dalam industri perfileman yang semakin giat beroperasi.

• Keratan Akhbar Berkaitan Industri Perfileman

FINAS amat prihatin terhadap perkembangan industri perfileman tempatan. Pelbagai pandangan, cadangan dan idea serta isu-isu semasa perfileman telah diutarakan oleh pihak media massa. Justeru itu, Unit Komunikasi Korporat telah mengambil inisiatif memantau keratan-keratan akhbar terutamanya berita atau artikel mengenai FINAS serta kegiatan industri perfileman dari semasa ke semasa.

UNIT AUDIT DALAM



UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia diwujudkan pada 2 Januari 2006. Unit Audit Dalam diketuai oleh seorang Juruaudit Gred W44 dibantu oleh seorang Juruaudit Gred W41 dan seorang Penolong Juruaudit Gred W27 serta seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi). Unit ini bertanggungjawab dan melaporkan secara terus kepada Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) selaku Pengurusan Tertinggi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Kuasa yang diberi tertakluk kepada Akta, peraturan dan prosedur yang diperuntukkan dan pekeliling Kerajaan yang diterima pakai oleh FINAS.

Visi Unit Audit Dalam adalah untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan mempertingkatkan akauntabiliti serta penambahbaikan proses kerja yang lebih efisien dan efektif.

Misi Unit Audit Dalam adalah untuk melaksanakan tugas-tugas pengauditan secara profesional, jujur, amanah dan bebas mengemukakan laporan seimbang ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

Objektif

- ✓ **MEMBANTU** Ketua Pengarah FINAS melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan menjalankan auditan secara bebas ke atas urusan kewangan dan pengurusan supaya tercapai satu sistem operasi yang cekap, teratur, berkesan dan ekonomi.
- ✓ **MENENTUKAN** supaya operasi setiap aktiviti diuruskan selaras dengan dasar, rancangan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbadanan dan memastikan bahawa dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan dipatuhi.
- ✓ **MENCADANGKAN** langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam sistem operasi aktiviti-aktiviti dan memberi pendapat serta pandangan yang positif, bebas dan objektif.
- ✓ **MEMASTIKAN** pengurusan kewangan mematuhi sistem dan prosedur serta peraturan yang diterima pakai oleh Perbadanan.

• Perjawatan dan Struktur Organisasi

Kedudukan perjawatan di Unit Audit Dalam sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

Jadual 1

BIL	JAWATAN	GRED	BILANGAN JAWATAN		
			LULUS	ISI	KOSONG
1.	Juruaudit	W44	1	1	-
2.	Juruaudit	W41	1	1	-
3.	Penolong Juruaudit	W27	1	1	-
4.	Pembantu Tadbir	N17	1	1	-

• Jawatankuasa Audit (JKA)

Jawatankuasa Audit (JKA) Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah diwujudkan pada tahun 2004 melalui keputusan Mesyuarat Ahli Perbadanan Bilangan 3 Tahun 2003 bertarikh 13 November 2003 mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. JKA ditubuhkan bertujuan untuk meneliti kedua-dua laporan Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar bagi memastikan aspek keberkesanan pemantauan dalam menangani isu kewangan dan akaun yang berbangkit.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 3 orang ahli terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah bukan Eksekutif iaitu:

- i. Puan Nor Azizati Hamzah (Pengerusi)
- ii. YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sharifuddin Zainuddin (Ahli)
- iii. Encik Abdul Rauap Puteh (Ahli)

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Sepanjang tahun 2014, sebanyak empat (4) kali mesyuarat JKA telah diadakan pada tarikh seperti berikut:

- i. 11 April 2014 (Jumaat);
- ii. 18 Julai 2014 (Jumaat);
- iii. 8 Oktober 2014 (Rabu);
- iv. 17 Disember 2014 (Rabu).

• Sumbangan

Sepanjang Tahun 2014, pegawai UAD turut membantu pihak pengurusan dengan memberi sumbangan berterusan kepada FINAS bagi memastikan hasrat tersebut terlaksana. Antara sumbangan pegawai-pegawai UAD adalah seperti:

- i. Menyediakan dan mengemas kini Buku Panduan Tuntutan Elaun Semasa Menjalankan Tugas Rasmi Bagi Penjawat FINAS (Siri 3 dan 4);
- ii. Setiausaha Kumpulan Inovatif dan Kreatif FINAS bagi Tahun 2014 dan menjadi Johan (Kategori Pengurusan) peringkat KKMM;
- iii. Pegawai Protokol dan Sambutan bagi majlis atau acara anjuran FINAS;
- iv. Mewakili FINAS dalam acara Bola Jaring untuk Sukan Badan Berkanun Persekutuan (Sukan Pantai).
- v. Sebagai penceramah Kursus Asas Pengurusan Kewangan untuk Penjawat FINAS.

• Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan

Sepanjang tahun 2014, Unit Audit Dalam telah berjaya mencapai 27 Sasaran Kerja Tahunan melalui 7 jenis aktiviti / program. Antara aktiviti / program yang telah dijalankan melibatkan aspek seperti berikut:

- i. Pengauditan Pengurusan Kewangan;
- ii. Pemeriksaan Mengejut;
- iii. Pengauditan Prestasi;

- iv. Pengauditan Khas / Siasatan.
- v. Pemantauan Perolehan;
- vi. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)
- vii. Penyediaan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam

Kesemua aktiviti / program yang dijalankan telah mendapat kelulusan daripada YM Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan juga dipersetujui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Bilangan 1 Tahun 2014.

Laporan Tahunan UAD Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Tahun 2014 antara lain mengandungi tajuk-tajuk berikut:

i. Pengauditan Pengurusan Kewangan

Unit Audit Dalam telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap lima (5) Pejabat Cawangan / Wilayah di seluruh negara dan aktiviti ini dijalankan sebanyak 1 kali setiap tahun bagi setiap Pejabat Wilayah. Aspek pengauditan yang diliputi adalah kawalan pengurusan, kawalan hasil dan terimaan, kawalan perbelanjaan serta kawalan harta modal dan inventori. Pengurusan kewangan yang lemah akan memberi ruang kepada isu negatif seperti penyelewengan, pemberoran dan pembaziran.

ii. Pemeriksaan Mengejut

Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Sepanjang tahun 2014, Unit Audit Dalam telah menjalankan pemeriksaan mengejut di empat (4) Pejabat Cawangan / Wilayah yang meliputi Wilayah Utara, Selatan, Timur serta Cawangan Sabah. Ia bertujuan untuk memastikan Pejabat Cawangan / Wilayah diuruskan dengan kemas kini mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

iii. Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dijalankan untuk menentukan sama ada sesuatu sumber, operasi atau aktiviti / program telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif atau matlamat yang telah ditetapkan. Antara pengauditan prestasi yang dijalankan bagi tahun 2014 iaitu pengauditan pengurusan panjar wang runcit serta pengauditan pengurusan kenderaan FINAS bagi tahun 2013.

iv. Pengauditan Khas / Siasatan

Pengauditan Siasatan dijalankan bagi menentukan sama ada isu yang dibangkitkan oleh pihak tertentu sama ada berasas atau sebaliknya untuk dilaporkan kepada pihak pengurusan. Pengauditan adalah berdasarkan arahan pengurusan atasan terhadap masalah atau aduan daripada orang awam, media atau e-mel terhadap Jabatan/Agensi melibatkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Pengauditan yang dijalankan juga akan mengenal pasti dan mencadangkan penambahbaikan terhadap sesuatu masalah spesifik dalam skop pengauditan kewangan dan prestasi dari masa ke masa. Antara pengauditan yang dijalankan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

- a) Pengurusan Bayaran Filem Yang Diimport Oleh Stesen Televisyen;
- b) Pemeriksaan Penyata Kewangan Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) Bagi Tahun 2011 Hingga 2013.

v. Pemantauan Perolehan

Bagi memastikan proses perolehan yang dijalankan di FINAS adalah mengikut peraturan dan prosedur Kerajaan yang telah ditetapkan, pihak Unit Audit Dalam telah mengambil inisiatif dengan menjalankan pemantauan secara rawak terhadap beberapa proses perolehan yang melibatkan perolehan secara sebut harga. Sebanyak lima (5) pemantauan telah dijalankan bagi tahun 2014.

• Rumusan

UAD Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah mengemukakan syor-syor serta pandangan dalam menangani perkara-perkara yang dilaporkan. Selain itu, isu yang ditemui telah dilaporkan dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah dan beberapa laporan telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk diambil tindakan sewajarnya oleh Bahagian / Unit yang terlibat.



Aktiviti Pengauditan Pengurusan Kewangan di FINAS Wilayah Utara pada 8 Julai 2014

Aktiviti Pengauditan
Pengurusan Kewangan
*Lokasi: FINAS Cawangan
Sarawak*
Tarikh: 4 September 2014





GAMBAR 3:

Aktiviti Pemeriksaan
Mengejut

Lokasi: FINAS Wilayah

Selatan

Tarikh: 20 Oktober 2014



GAMBAR 4 & 5:

Aktiviti Pemantauan Proses
Perolehan Secara Sebut Harga

Lokasi: FINAS Cawangan
Sarawak

Tarikh: 6 dan 13 Februari 2014



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna-

pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

1. Merujuk Nota 7, baki Penghutang Pelbagai pada 31 Disember 2014 berjumlah RM2,954,806 tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan terhadap pelarasan tidak dikemukakan untuk diaudit. Pelarasan jurnal berjumlah RM10,232,212 telah dibuat terhadap akaun ini sepanjang tahun 2014.
2. Pada 31 Disember 2014, Wang Di Tangan Dan Di Bank dalam Penyata Kewangan berjumlah RM149,811,966 iaitu sejumrah RM149,548,642 di dalam bank dan sejumrah RM263,324 adalah tunai di tangan. Kesemua wang di bank dapat disesuaikan kecuali sejumrah RM243,235 tidak dapat dikesan dan tiada rekod atau dokumen berkaitan diselenggarakan.

Pendapat Berteguran


Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.



(LIM CHIN TEONG)

b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 OGOS 2015



PENYATA KEWANGAN



**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
 PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI PERBADANAN**

Kami, **DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID** dan **NOR AZIZATI BINTI HAMZAH** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA** pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Perbadanan



**DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID**

Pengerusi

26 AUG 2015

Kuala Lumpur

NOR AZIZATI BINTI HAMZAH

Ahli

26 AUG 2015


Kuala Lumpur

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA


PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya , **DATO' KAMIL AHMAD BIN MOHD OTHMAN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Wang Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di W.P Kuala Lumpur)
pada 26 AUG 2015)


**DATO' KAMIL AHMAD BIN
MOHD OTHMAN
550625-08-5689**

Dihadapan saya,



LABIBUN BT HARUN
NO. 427, JALAN BANDAR 3
KAMPONG MELAR
KUALA LUMPUR

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
ASET			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	54,097,779	65,127,057
		54,097,779	65,127,057
ASET SEMASA			
Pendahuluan dan Pinjaman	5	5,007,681	5,757,124
Penghutang Perniagaan	6	718,590	953,144
Penghutang Pelbagai	7	2,954,806	25,579,508
Deposit dan Prabayar		97,771	97,771
Simpanan Tetap	8	60,703,923	133,635,479
Wang di Tangan dan di Bank		149,811,966	20,054,342
		219,294,737	186,077,368
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pembiutang		39,297,609	44,482,092
		39,297,609	44,482,092
ASET SEMASA BERSIH		179,997,128	141,595,276
		234,094,907	206,722,333
DIBIAYAI OLEH:			
Ekuiti Terkumpul		60,631,976	55,370,700
Ekuiti-Ekuiti Lain		154,463,931	132,918,133
		215,095,907	188,288,833
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Deposit Filem	9	18,999,000	18,433,500
		234,094,907	206,722,333

Nota-nota akaun yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

PENDAPATAN		2014	2013
	Nota	RM	RM
Sumbangan Kerajaan	10	45,906,244	35,454,754
Lesen Dan Bayaran Filem	11	3,489,230	3,170,375
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan		402,501	465,104
Sewaan		977,872	1,258,619
Faedah		5,743,665	3,393,332
Denda Dan Hukuman		33,900	16,800
Pulang Balik Perbelanjaan		2,118,756	368,234
Hutang Ragu Dikutip		-	-
Lain-Lain		51,113	107,671
Pelunasan Kumpulanwang	12	19,875,950	26,832,020
JUMLAH PENDAPATAN		78,599,231	71,066,909
Tolak: PERBELANJAAN			
EMOLUMEN			
Gaji Dan Upahan		10,538,453	6,583,507
Elaun Tetap		3,472,128	2,080,609
Sumbangan Berkanun Kakitangan		574,292	399,644
Elaun Lebih Masa		1,482,567	1,179,131
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup		1,873,874	2,246,220
Pengangkutan Barang-Barang		41,295	106,109
Perhubungan Dan Utiliti		3,307,052	1,901,702
Sewaan		277,991	194,046
Bekalan Bahan Api		334,692	245,226
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain		1,213,936	522,098
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil		5,453,195	4,651,816
Perkhidmatan Iktisas Dan Hospitaliti	13	15,629,805	17,528,352
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP			
Pemberian Dalam Negeri	14	8,239,615	15,983,376
Pencen		1,400,765	891,850
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN			
Pelbagai Perbelanjaan		257,706	3,650,169
Susutnilai		13,076,126	13,082,956
JUMLAH PERBELANJAAN		67,173,492	71,246,811
(KURANGAN) / LEBIHAN PENDAPATAN		11,425,739	(179,902)

Nota-nota akaun yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PERBADAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUTI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2014

EKUTI	TERKUMPUL RM	PINJAMAN KENDERaan RM	PINJAMAN KOMPUTER RM	TABUNG KHAS RM	KEMUDAHAN PRODUKSI (SKP) RM	DANA DUTI RM	HIBURAN FILEM RM	DOKUMENtARI RM	DANA KENEGARAAN RM	DANA ANIMASI RM	DANA ANAMAH FILEM RM	DANA DIKN RM	JUMLAH RM	
Pada 01 Januari 2013	99,357,053	600,000	100,000	207,118	57,864,323	2,874,529	834,047	2,946,394	9,002,413	4,534,225	2,266,678	-	175,586,780	
Tambahan	-	-	-	-	25,000	15,000,000	4,055,442	1,000,000	-	-	78,405,478	9,261,080	-	
Pelarasan	(43,806,451)	-	-	-	(11,785,034)	100,471	-	-	-	-	(1,492,848)	44,356,867	(12,626,995)	
55,550,602	600,000	100,000	207,118	41,079,289	3,000,000	15,834,047	7,001,836	10,002,413	4,534,225	2,266,678	76,912,630	53,617,947	270,706,785	
Lebihan/(kurangan) tahun semasa	(179,902)	-	-	-	(12,196,205)	-	(14,635,816)	(6,164,064)	(2,376,800)	(12,600)	(5,750)	(32,338,988)	(82,417,952)	
Pada 31 Disember 2013	55,370,700	600,000	100,000	207,118	28,883,084	3,000,000	1,198,231	837,772	7,625,613	4,521,625	2,260,928	62,404,803	21,278,959	
Pada 01 Januari 2014	55,370,700	600,000	100,000	207,118	28,883,084	3,000,000	1,198,231	837,772	7,625,613	4,521,625	2,260,928	62,404,803	21,278,959	
Pelarasan	(6,164,461)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(6,164,461)	
Baki Awal Terlaras	49,206,239	600,000	100,000	207,118	28,883,084	3,000,000	1,198,231	837,772	7,625,613	4,521,625	2,260,928	62,404,803	21,278,959	
Tambahan	-	-	-	-	-	-	-	11,481,768	5,000,000	290,939	808,445	-	87,990,422	
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	100,000	105,671,574	
Lebihan/(kurangan) tahun semasa	49,206,239	600,000	100,000	207,118	28,883,084	3,000,000	12,679,999	5,837,772	5,330,070	2,260,928	150,395,225	21,378,959	287,795,946	
Pelarasan	11,425,738	-	-	-	(12,041,934)	-	(7,821,539)	(5,405,181)	(2,831,785)	(500)	(41,597,413)	(10,939,042)	(72,700,038)	
Pada 31 Disember 2014	60,631,977	600,000	100,000	207,118	16,841,150	3,000,000	4,858,460	432,591	4,428,170	2,498,285	2,260,428	108,797,812	10,439,917	215,095,908

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebihan pendapatan tahun semasa	11,425,739	(179,902)
Pelarasan atas:		
Pelarasan ke atas ekuiti dana	(18,206,395)	(24,923,671)
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	13,076,126	13,082,956
Pelarasan atas susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	-	12,727,468
Pelarasan atas harta tanah, loji dan peralatan	3,153	38,442
Untung atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	582	(40,440)
Hutang lapuk	-	3,064,054
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	6,299,205	3,768,907
Pengurangan dalam pendahuluan dan pinjaman	749,443	4,076,847
Pengurangan dalam penghutang perniagaan	234,554	(462,733)
Pengurangan dalam penghutang pelbagai	22,624,702	(26,084,125)
Peningkatan dalam deposit dan prabayar	-	-
Pengurangan dalam pelbagai pembiutang	(5,184,483)	12,801,047
Peningkatan dalam deposit filem	565,500	623,000
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	25,288,921	(5,277,057)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(2,098,915)	(2,955,428)
Terimaan daripada pelupusan aset tetap	46,637	40,480
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(2,052,278)	(2,914,948)
ALIRAN BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Sumbangan kerajaan	105,671,574	107,722,000
Bayaran tunai kepada penerima dana	(72,082,149)	(70,036,095)
Aliran tunai bersih dijana dari aktiviti pembiayaan	33,589,425	37,685,905
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	56,826,068	29,493,900
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER	153,689,821	124,195,921
210,515,889	153,689,821	
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Wang di tangan dan di bank	149,811,966	20,054,342
Simpanan tetap	60,703,923	133,635,479
WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK	210,515,889	153,689,821

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. MAKLUMAT PERBADANAN

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan dibawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Akta tersebut telah dipinda pada tahun 2013 (Akta A1451) selaras penggabungan FINAS dengan Jabatan Filem Negara Malaysia.

Tujuan Penubuhan FINAS adalah untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman. Pejabat FINAS terletak di Kompleks Studio Merdeka, Lot 1662, Batu 8, Jalan Hulu Kelang, Selangor.

2. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dicatat pada kos atau pernilaian setelah ditolak daripada susutnilainya dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah pemegang bebas dan bangunan.

Susutnilai

Aset tetap disusutnilai atas dasar garis lurus dengan kadar tahunan bagi menghapuskan kos di sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Kadar susutnilai tahunan digunakan seperti berikut:

	%
Tanah Pegang Pajak	Bergantung kepada Tempoh Pajakan
Bangunan	2
Alat Perfileman	10
Pelbagai Harta	10
Kenderaan Bermotor	20
Kelengkapan Pejabat	10
Perabot & Lengkapan	10
Komputer	20

3.2 Penghutang dan Peruntukan Hutang Ragu

Penghutang diukur pada nilai realisasi diantisipasi. Hutang Lapuk dihapuskan dalam tempoh ia dikenal pasti. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh Lembaran Imbangan.

Peruntukan tertentu dibuat untuk hutang ragu dan hutang lapuk berdasarkan penilaian pengurusan ke atas pelbagai penghutang di mana kutipan balik diragui atau amat tipis.

3.3 Pembiayaan

Pembiayaan dinyatakan pada kos merupakan pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

3.4 Pendapatan

Pendapatan sewaan alat diiktiraf berdasarkan akruan sesuai dengan substansi perjanjian. Pendapatan lesen filem dan bayaran filem serta kompaun diiktiraf atas dasar ketika diterima.

3.5 Manfaat Anggota

Upahan, gaji dan bonus telah diakrukan sebagai perbelanjaan bagi tahun di mana perkhidmatan telah disempurnakan anggota.

Gantirugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek diiktiraf apabila perkhidmatan telah disempurnakan anggota dengan meningkatkan kelayakan mereka terhadap gantirugi kehadiran ke masa hadapan tertakluk kepada maksimum 120 hari. Manakala, gantirugi ketidakhadiran jangka pendek terkumpul diiktiraf apabila ianya berlaku.

Caruman Wajib dibawah undang-undang diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi anggota yang tidak memilih Skim Pencen Kerajaan. Caruman dibuat kepada Kumpulanwang Amanah Pencen diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi anggota yang memilih Skim Pencen Kerajaan. Bahagian Pencen yang berkenaan akan mentadbir dan mengurus perihal pencen anggota.

3.6 Pengecualian Cukai

Perbadanan telah diberi status pengecualian cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2003 dan (No.22) 2006.

3.7 Pemberian Kerajaan

Pemberian kerajaan yang diterima untuk belanja mengurus diambil kira sebagai pendapatan manakala pemberian kerajaan untuk tujuan tertentu diambil kira sebagai dana mengikut maksud.

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Penyata Kewangan

KOS	TANAH RM	BANGUNAN RM	ALAT PROFILEMAN RM	PELBAGAI HARTA RM	KENDERAAN BERMOTOR RM	KELENGKAPAN PEJABAT RM	PERABOT & LENGKAPAN RM	KOMPUTER RM	JUMLAH 2013 RM
Pada 1 Januari 2013	1,753,432	44,239,114	98,723,282 (38,442) 2,764,000 (4,114,040)	99,834 -	2,380,220 92,702 (519,677)	1,127,778 -	2,865,534 35,866 (850)	2,888,553 38,961 (8,300)	154,077,747 (38,442) 2,955,428 (4,644,717)
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tambahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2013	1,753,432	44,239,114	97,334,800	99,834	1,953,245	1,149,787	2,900,550	2,919,214	152,349,976

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Pada 1 Januari 2013	453,114	6,465,432	54,460,764	99,820	1,434,821	445,487	1,281,332	1,416,442	66,057,212
Pelarasan	16,782	886,429	10,881,823	-	274,980	97,167	196,874	373,413	12,727,468
Tambahan	16,782	886,429	11,292,995	-	227,191	99,397	196,647	363,515	13,082,956
Pelupusan	-	(4,114,005)	-	-	(519,672)	(1,889)	(849)	(8,302)	(4,644,717)

Pada 31 Disember 2013

486,678	8,238,290	72,521,577	99,820	1,417,320	1,149,787	1,281,332	1,416,442	66,057,212
----------------	------------------	-------------------	---------------	------------------	------------------	------------------	------------------	-------------------

NILAI BERSIH

Pada 31 Disember 2013	1,266,754	36,000,824	24,813,223	14	535,925	509,625	1,226,546	774,146	65,127,057
-----------------------	-----------	------------	------------	----	---------	---------	-----------	---------	------------

KOS	TANAH RM	BANGUNAN RM	ALAT PROFILEMAN RM	PELBAGAI HARTA RM	KENDERAAN BERMOTOR RM	KELENGKAPAN PEJABAT RM	PERABOT & LENGKAPAN RM	KOMPUTER RM	JUMLAH 2014 RM
Pada 1 Januari 2014	1,753,432	44,239,114	97,334,800	99,834	1,953,245	1,149,787	2,900,550	2,919,214	152,349,976
Pelarasan	-	-	-	-	-	17,556	(17,556)	-	-
Baki Awal Terlaras	1,753,432	44,239,114	97,334,800	99,834	1,953,245	1,167,343	2,882,994	2,919,214	152,349,976
Pelarasan	-	-	578	-	18	213	2,263	81	3,153
Tambahan	-	-	825,453	-	432,092	352,762	81,810	406,798	2,098,915
Pelupusan	-	-	-	-	(247,404)	-	-	-	(247,404)
Pada 31 Disember 2014	1,753,432	44,239,114	98,160,831	99,834	2,137,951	1,520,318	2,967,067	3,326,093	154,204,640

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Pada 1 Januari 2014	486,678	8,238,290	72,521,577	99,820	1,417,320	640,162	1,674,004	2,145,068	87,222,919
Pelarasan	16,782	765,468	11,259,683	-	290,722	134,283	203,957	405,231	13,076,126
Tambahan	-	-	-	-	(192,184)	-	-	-	(192,184)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Pada 31 Disember 2014

503,460	9,003,758	83,781,260	99,820	1,515,858	774,445	1,877,961	2,550,299	100,106,861
----------------	------------------	-------------------	---------------	------------------	----------------	------------------	------------------	--------------------

NILAI BERSIH

Pada 31 Disember 2014	1,249,972	35,235,356	14,379,571	14	622,093	745,873	1,089,106	775,794	54,097,779
-----------------------	-----------	------------	------------	----	---------	---------	-----------	---------	------------

5. PENDAHULUAN DAN PINJAMAN

	2014 RM	2013 RM
Pendahuluan	4,365,129	5,282,041
Penghutang Pinjaman Kenderaan	341,342	312,400
Penghutang Pinjaman Komputer	301,210	162,683
	5,007,681	5,757,124
Bayar Balik Dalam Tempoh 12 Bulan	4,562,994	5,641,873
Bayar Balik Selepas Tempoh 12 Bulan	444,687	115,251
	5,007,681	5,757,124

6. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	2014 RM	2013 RM
Penghutang Niaga	718,590	953,144
Peruntukan Hutang Ragu	-	-
	718,590	953,144

7. PENGHUTANG PELBAGAI

	2014 RM	2013 RM
Penghutang Pelbagai	2,779,889	25,472,628
Faedah Terakru	174,917	106,880
	2,954,806	25,579,508

8. SIMPANAN TETAP

	2014 RM	2013 RM
Bank Berlesen	20,000,000	20,000
Pertubuhan Bangunan	40,703,923	133,615,479
Koperasi Berlesen	-	-
	60,703,923	133,635,479

9. DEPOSIT FILEM

Deposit filem yang diterima/ yang dikembalikan atau dilucutahak mengikut aktiviti-aktiviti adalah seperti di bawah Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983.

AKTIVITI	PENGELUARAN	PENGEDARAN	PAMERAN	JUMLAH	JUMLAH
	FILEM	FILEM	FILEM	2014	2013
	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari					
Deposit diterima	3,031,750 210,000	11,585,750 422,000	3,816,000 387,000	18,433,500 1,019,000	17,810,500 1,038,500
Deposit Dikembali	3,241,750 (27,000)	12,007,750 (348,500)	4,203,000 (78,000)	19,452,500 (453,500)	18,849,000 (415,500)
Deposit dilucutahak	3,214,750 -	11,659,250 -	4,125,000 -	18,999,000 -	18,433,500 -
Pada 31 Disember	3,214,750	11,659,250	4,125,000	18,999,000	18,433,500

Pecahan pergerakan deposit filem seperti berikut:

	PENGELUARAN	PENGEDARAN	PAMERAN	JUMLAH	JUMLAH
	FILEM	FILEM	FILEM	2014	2013
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal tahun					
Filem	2,530,000	1,918,000	979,000	5,427,000	4,895,000
Video	501,750	9,667,750	2,837,000	13,006,500	12,915,500
	3,031,750	11,585,750	3,816,000	18,433,500	17,810,500
Deposit diterima					
Filem	205,000	182,000	115,000	502,000	581,000
Video	5,000	240,000	272,000	517,000	457,500
	210,000	422,000	387,000	1,019,000	1,038,500
Deposit Dikembali					
Filem	(7,000)	(1,000)	(5,000)	(13,000)	(49,000)
Video	(20,000)	(347,500)	(73,000)	(440,500)	(366,500)
	(27,000)	(348,500)	(78,000)	(453,500)	(415,500)
Deposit Dilucutahak					
Filem	-	-	-	-	-
Video	-	-	-	-	-
	-	-	-	-	-
Baki akhir tahun					
Filem	2,728,000	2,099,000	1,089,000	5,916,000	5,427,000
Video	486,750	9,560,250	3,036,000	13,083,000	13,006,500
	3,214,750	11,659,250	4,125,000	18,999,000	18,433,500

10. SUMBANGAN KERAJAAN

	2014 RM	2013 RM
Pecahan sumbangan seperti berikut:		
Sumbangan Mengurus Kerajaan	45,906,244	35,454,754
Sumbangan Kerajaan - Projek National	-	-
Key Economic Area (NKEA)	-	-
Sumbangan Projek Industri Kreatif (DIKN)	-	-
	45,906,244	35,454,754

11. LESEN DAN BAYARAN FILEM

	2014 RM	2013 RM
Perolehan Lesen Sumber Filem	662,750	696,700
Perolehan Lesen Sumber Video	1,070,300	1,106,100
Jumlah Perolehan Lesen	1,733,050	1,802,800
Bayaran Filem	1,756,180	1,367,575
	3,489,230	3,170,375

12. PELUNASAN KUMPULANWANG

	2014 RM	2013 RM
Dari Kumpulanwang Duti Hiburan Filem	7,821,539	14,635,815
Dari Kumpulanwang Pembangunan	12,041,934	12,196,205
Dari Kumpulanwang Dana	12,477	-
	19,875,950	26,832,020

13. PERKHIDMATAN IKTISAS DAN HOSPITALITI

	2014 RM	2013 RM
Pecahan perbelanjaan seperti berikut:		
Perkhidmatan Iktisas	2,873,314	1,505,736
Pembangunan Industri	2,952,024	4,553,060
Festival & Minggu Filem	2,334,723	2,648,840
Pasaran Filem	4,026,688	5,920,218
Pengauditian	14,464	14,414
Elaun Tetap Ahli Perbadanan	91,968	90,000
Maafaat Anggota	804,501	633,780
Pembekal Khidmat	1,317,107	1,234,853
Pelbagai Perkhidmatan	1,215,016	927,451
	15,629,805	17,528,352

14. PEMBERIAN DALAM NEGERI

	2014 RM	2013 RM
Pecahan perbelanjaan seperti berikut:		
Pelunasan Kumpulanwang Duti Hiburan Filem	7,821,539	14,635,815
Pemberian Kepada Persatuan	176,261	780,277
Pemberian Kepada Individu	218,315	457,604
Lain-Lain Pemberian	23,500	109,680
	8,239,615	15,983,376

15. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Angka-angka bandingan tertentu telah diselaraskan untuk menunjukkan perbandingan yang sewajar dengan pengelasan tahun ini.

16. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan 2014 yang telah diaudit telah diluluskan melalui Resolusi Pekeliling Bil 1/2015 pada 26 Ogos 2015.